Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Demi (Allah) yang jiwaku berada di dalam kekuasaan-Nya, tidak beriman seorang daripada kamu (dengan iman yang sempurna) sehingga aku menjadi (orang) yang lebih dicintainya daripada bapanya dan anaknya". (Hadis Riwayat al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.07 | ISYAK 7.16

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 124 | 15 OKTOBER 2022 / 1444 ربيع الأول 19 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT KE REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Dhaka, Republik Rakyat Bangladesh bagi Keberangkatan Negara selama dua hari, pada 15 hingga 16 Oktober 2022 atas jemputan-jemputan Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammad Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.

Ini adalah Keberangkatan Negara baginda yang pertama ke negara berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijangka akan mengadakan perjumpaan bersama Presiden dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh bagi membincangkan perkara-perkara untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh serta bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa.

Baginda juga dijangka akan menghadiri Majlis Sambutan Rasmi dan Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Presiden.

Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh mula dijalin pada 5 Mei 1984.

Sejak itu, terdapat pelbagai pertukaran lawatan di peringkat Menteri dan Pegawai Kanan kedua buah negara.

Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina telah mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam, pada 21 hingga 23 April 2019.

Negara Brunei Darussalam juga telah menerima lawatan daripada mantan Perdana Menteri Bangladesh, pada tahun 2004 serta Menteri-menteri Bangladesh yang berlainan, pada tahun 1994, 1999, 2012 dan 2013.

# Majlis Tahlil, Membaca Yaa Siin sempena Penubuhan YSHHB Ke-30



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam paduka nenda Duli Yang Teramat Mulia, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (*Lihat muka 3*).**

# JPM, KHEU anjur Majlis Doa Kesyukuran

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati 10 Tahun Masjid Ash-Shaliheen, hari ini, yang berlangsung di masjid berkenaan di Kompleks Bangunan JPM, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai yang diteruskan dengan bacaan Doa sempena Memperingati 10 Tahun Masjid Ash-Shaliheen, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

**>> Muka 4**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# Berita Utama



TINJAU kawasan terjejas banjir di Daerah Tutong

Muka 9



PENYERAHAN bendera bagi misi pengaman UNIFIL

Muka 12



RENCANA

INOVASI Perkhidmatan Pos menuju berdaya tahan

Muka 28

**STATUS COVID-19**
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 14 OKTOBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.5% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 61.6% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 86.0% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 299 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 229,422 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

# Penjawat awam perlu sentiasa berfikiran berinovasi

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Anbiyae Walmursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een**

PARA peserta Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-29, Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-31 dan 32 dan Program Eksekutif Muda Kohort Ke-5 dan 6 yang diraikan pada pagi ini.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul untuk sama-sama meraikan Majlis Penyampaian Sijil bagi para peserta yang telah berjaya menamatkan Program-program Pembangunan Eksekutif di bawah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) pada pagi ini.

Terlebih dahulu, peramba / saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan program masing-masing.

**Visi mengenai Kerajaan yang Efektif**

Dalam era globalisasi ini, dapat dilihat perlunya ada kerajaan yang berkesan yang dapat membuat dasar-dasar yang efektif dan berkesan, dan berjaya dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang dalam membangun negara dan sekali gus memastikan kesejahteraan rakyat secara mampan (*sustainable*). Ini memerlukan penjawat awam disemua peringkat untuk mempunyai *competency* dan *mindset* yang dapat saling mendukung, membantu, menginovasi dalam mempertingkatkan kebolehan Perkhidmatan Awam.

Peramba / saya melihat perkara ini dapat dicapai dengan mengambil kira beberapa pendekatan.

Pertama, mempertingkatkan QUALITY perkhidmatan awam dengan mengambil kira urus tadbir dan kepimpinan.

Kedua, memastikan ACCESS kepada perkhidmatan awam dengan mengambil kira kepada mindset dan fokus kepada *citizen-centric*.

Ketiga, memastikan TRANSPARENCY dan jua ACCOUNTABILITY dalam semua aspek perkhidmatan bagi meningkatkan integriti.

Untuk mencapai perkara ini, penjawat awam perlu sentiasa berfikiran berinovasi dalam mengenal pasti kaedah yang terbaik. Penggunaan teknologi sahaja tidak memadai dikatakan sudah berinovasi kerana kemungkinan besar ianya sahaja mungkin memberi tahap perkhidmatan yang sama. Apa yang perlu juga dilaksanakan ialah perubahan keseluruhan ekosistem kepada jentera kerajaan.

Ini selaras dengan tema program pembangunan kepimpinan CSLP pada tahun ini iaitu Mentransformasikan Perkhidmatan Awam yakni (Transforming the Public Service) dan juga pada menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang turut menitahkan mengenai peri mustahaknya mempraktikkan elemen 'inovasi' sebagai budaya kerja.

Dengan yang demikian, selaku barisan pemimpin dalam Perkhidmatan Awam, kita perlu mengekalkan momentum dalam meneliti dan menilai setiap perkhidmatan dalam kerajaan, lebih lebih lagi perkhidmatan yang berbentuk *citizen-centric,* yang memerlukan pembaikkan dan perubahan dasar yang berkaitan menjurus kepada peningkatan prestasi dan transformasi Perkhidmatan Awam secara keseluruhannya.

*Nation-building* adalah satu proses yang berterusan. Untuk mengekalkan dan memantapkan lagi kemajuan yang kita nikmati pada masa ini, sebagai seorang pemimpin, kita bertanggungjawab membuat keputusan yang dapat memanfaatkan generasi pada masa ini dan akan datang. Untuk itu, pembangunan kepimpinan melalui Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) adalah merupakan satu langkah penting untuk melahirkan generasi pemimpin yang dapat menangani kemaslahatan masyarakat.

Peramba / saya berharap, semua peserta program pembangunan ini telah dapat mendalami management *tools* dan akan dapat menguasainya untuk memperkenalkan pembaharuan-pembaharuan yang positif. Ini adalah diharap akan menjurus kepada pencapaian Matlamat Wawasan Brunei 2035. Selain itu adalah juga penting untuk secara berterusan berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman yang telah diraih semasa mengikuti program kepimpinan ini serta memanfaatkan hasil program dengan mengasuh para pegawai / kakitangan bawahan masing-masing untuk sama-sama menjadi pemimpin berkualiti di masa yang akan datang. Oleh itu, program-program pembangunan kepimpinan seperti EDPSGO, EDPMMO dan YEP ini hendaklah diteruskan dan dipertingkatkan sentiasa dengan mengambil kira trend sudut pandang global (Global Outlook Trend).

Dalam masa yang sama, usaha kita untuk meningkatkan kompetensi dan keupayaan kepimpinan ini tidak akan sempurna tanpa memandang dari perspektif Islam iaitu berpandukan Al-Quran dan Sunnah.



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-29, Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan Kali Ke-31 dan Ke-32, Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort Ke-5 dan 6 pada Khamis, 10 Rabiulawal 1444 Hijrah / 6 Oktober 2022 Masihi di Dewan Bankuet, JPM.**

Semestinya Tuan-tuan dan Puan-puan pernah mendengar sebelumnya dan sudah mengetahui mengenai tuntutan yang perlu dipikul dan nilai-nilai utama atau teras yang wajib ada pada diri seorang pemimpin.

>> Muka 7

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | SABTU | 19 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.07 | 7.16 |
| 16 | AHAD | 20 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |
| 17 | ISNIN | 21 | 4.38 | 4.48 | 6.05 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |
| 18 | SELASA | 22 | 4.38 | 4.48 | 6.05 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.15 |
| 19 | RABU | 23 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 20 | KHAMIS | 24 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |
| 21 | JUMAAT | 25 | 4.37 | 4.47 | 6.05 | 6.28 | 12.06 | 3.24 | 6.05 | 7.15 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Kuala Belait | 32 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 15 OKTOBER 2022

### Kawal prasangka, positif sentiasa

PRASANGKA apabila wujud di dalam hati manusia segala yang baik bakal nampak sebaliknya, apabila prasangka menguasai minda segala yang dilihat bakal ternampak negatif di mana-mana.

Apa keadaannya jika prasangka dikawal dengan hati dan lidah yang dibasahi zikir atau selawat? Mungkin keadaan akan menjadi baik belaka.

Apa keadaannya jika prasangka di dalam minda dihiasi dengan segala yang indah positif belaka? Mungkin keadaan akan membaik dan damai sentiasa.

Jangan berprasangka dengan hati yang marah diselubungi negatif tanpa membuat apa-apa, bertanyalah kebenarannya mahupun dengarlah kisah di sebalik masalah yang ada daripada sumber dan yang sepatutnya.

Cari akar atau sumber punca, tanya kepada orang sepatutnya, bincangkan secara sua muka, pastikan dalam waktu dan masa yang tepat dan sebaiknya, dengan hati dan minda yang bersih dan positif jua, pastinya niat ingin menyelesaikan masalah yang ada.

Jangan bersangka dengan hanya melihat pada keadaan sekeliling kita, terlebih dahulu tanya kepada diri kita akan kekurangan mahupun mungkin penyebab pada terjadinya sesuatunya.

Jangan hanya menunjuk dan menyalahkan orang lain sahaja, dengan berfikiran kita sentiasa betul dalam segala hal dan perkara, sesungguhnya kita adalah manusia biasa yang tidak sempurna, namun Allah memberikan kita akal dan minda untuk menyelesaikan segala masalah dengan cara yang sebaiknya.

Pilihan penyelesaian tertakluk kepada kita, sama ada mahu menyelesaikannya atau mahu membiarkan serta memburukkan keadaan yang ada. Elakkan melibatkan orang luar yang tidak tahu akan hal cerita, sebaiknya selesaikan bersama yang terlibat sahaja.

Dalam agama mengajar kita untuk berbincang jika menghadapi masalah atau hadapi dan selesaikan segala kesusahan serta kesukaran sebaiknya, janganlah kita hanya memikirkan apa kata mereka, tapi sebaiknya fikirkan apa yang terbaik buat kita?

Jangan kerana dik hati dan minda dikuasai segala prasangka yang negatif sentiasa, maka semua orang yang pernah dijumpa atau dikenali disyak menjadi punca atau sumber tanpa melihat atau merujuk kepada yang sepatutnya.

Jangan hanya menuding jari kepada yang lainnya, belum tentu segala kesalahan atau kesilapan berpunca daripada yang lainnya, mungkin sahaja berpunca daripada diri kita sendiri pada asal atau sumber segala cerita, kita tidak tahu apa yang ada di pertengahan jalan cerita selanjutnya?

Jangan hanya mendengar berita daripada sebelah pihak cuma, bersemuka dan tanya sebaiknya, elak menuduh tanpa usul periksa, akibatnya bakal memburukkan keadaan yang ada.

Bersangka baik tanpa diselubungi yang negatif akan memberikan impak yang baik pada kesudahannya, prasangka yang disertai kenegatifan dikuasai dengan marah yang terbuku bakal membawa impak yang kurang baik pada kesudahannya.

Apabila kepercayaan sudah berkurangan, apabila kejujuran dianggap tidak ada, apa yang dibuat apa lagi yang dikata dan dilaksana bakal dianggap dusta belaka, dik dikuasai hati dan minda yang negatif sentiasa.

Apabila kepercayaan masih ada, kejujuran sentiasa diutama dalam sesuatunya, apa yang dibuat apa lagi yang dikata atau dilaksana bakal dianggap baik dan betul belaka, dik dikuasai hati dan minda yang positif sentiasa.

Semoga Allah akan sentiasa melindungi dan menjauhkan kita daripada berprasangka sesama kita, daripada membuat tanggapan tanpa usul periksa, daripada segala keburukan yang ada, daripada segala fitnah manusia dan dunia yang fana, serta daripada hasutan mereka yang dikuasai hati dan minda yang negatif sentiasa, *Amin Amin Amin Ya Rabbal Alamin.*

**- Ketua Penyuntingan (Nb).**

# MAJLIS TAHLIL, MEMBACA YAA SIIN SEMPENA PENUBUHAN YSHHB KE-30





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Tahlil dan diteruskan dengan Membaca Yaa Siin bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-30 Tahun berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (atas kiri dan atas).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 Oktober. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini mengadakan Majlis Tahlil dan diteruskan dengan Membaca Yaa Siin bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-30 Tahun berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang juga selaku Timbalan Pengerusi II Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB yang lain.

Sejurus keberangkatan tiba, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

DYTM juga berkenan menjirus Aying Asah-Asahan kepada makam paduka-paduka nenda dan kakanda DYTM.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim; para pegawai dan kakitangan YSHHB; Ahli-ahli Alumni Sultan's Scholar YSHHB; dan Sukarelawan YSHHB serta para penduduk Rancangan Perumahan Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.

Penubuhan YSHHB merupakan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Oktober 1992 sempena dengan Sambutan Jubli Perak Menaiki Takhta.

Selain itu, YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda serta menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

YSHHB sebelum ini telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB yang Ke-30 Tahun bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB pada 5 Oktober lepas.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam paduka nenda dan kakanda Duli Yang Teramat Mulia (atas dan kanan).**







**SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan (kiri sekali dan kiri).**

# JPM, KHEU ANJUR MAJLIS DOA KESYUKURAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati 10 Tahun Masjid Ash-Shaliheen, yang berlangsung di masjid berkenaan, di Kompleks Bangunan JPM.

>> Muka 1

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Majlis Doa Kesyukuran tersebut, antara lainnya bertujuan untuk memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di mana Masjid Ash-Shaliheen telah mencapai usia 10 tahun, meningkatkan ibadah dan kekhusyukan para jemaah dan ahli-ahli takmir masjid serta memakmurkan masjid dengan kegiatan - kegiatan berkebajikan selaras dengan usaha menyebarkan syiar Islam di negara ini terutama sekali dalam menyatukan hubungan silaturahim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan JPM dan KHEU.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

## COVID-19 : 10.6 peratus penduduk lengkap 4 dos vaksin

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Kementerian Kesihatan




BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Oktober. - Sebanyak 299 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat menjadi 229,422.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak tiga kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, tidak ada kes dicatatkan di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi pula setakat, 14 Oktober 2022, sebanyak 86 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.6 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.




## 3 kes berada dalam Kategori 4

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Sebanyak 288 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 229,123.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, tiga kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, manakala tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Seterusnya, bagi Program Vaksinasi setakat 13 Oktober 2022, sebanyak 85.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.6 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

## 287 kes disahkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Sebanyak 287 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 228,835.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak empat kes dilaporkan berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 12 Oktober 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 85.9 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.6 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 2022.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Setiap manusia khususnya orang Islam mesti mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan cara menghidupkan sunnah-sunnah Baginda.

Dengan berbuat demikian, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan mendapat syafaat Baginda di akhirat nanti.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail semasa Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Teater, kementerian berkenaan, di sini.

Dalam Ceramah Khas bertajuk 'Kecintaan Terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', Awang Isham turut mengongsikan mengenai mengenang akan kasih sayang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap agama Islam dan kasih kepada umat Baginda.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Isham, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Maulud oleh pasukan dikir dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

Majlis yang dianjurkan oleh JKED berkenaan adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan kelolaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara para pegawai dan kakitangan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, termasuk pegawai dan kakitangan dari Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Brunei Darussalam Central Bank.



PEGAWAI Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail semasa menyampaikan Ceramah Khas.

## Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya (atas dan kanan).



**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Selaku umat Islam sewajarnya menanamkan rasa kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana apa yang dilakukan oleh Baginda adalah pembawa rahmat dan sebagai panduan hidup untuk kita melakukan perkara yang terbaik demi mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Perkara tersebut merupakan inti pati ceramah bertajuk 'Mencintai Rasulullah Untuk Syafa'at', disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, MTIC berkenaan dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Bukti kecintaan kita kepada Rasulullah, menurutnya, ialah dengan mengikut segala tatacara, tindak tanduk, sikap dan sifat Baginda yang dinamakan Sunnah.

Sunnah itu, katanya bukan hanya dalam perkara ibadah sahaja tetapi juga merangkumi cara batas-batas pergaulan, sifat lemah lembut, penjagaan waktu yang terancang dan menghormati pendapat orang lain juga adalah merupakan Sunnah Nabi.

Selain itu, sebagai umat Islam kita dianjurkan untuk sentiasa mengucapkan selawat ke atas Baginda, kerana dengan selawat itu jiwa kita akan tenang, perasaan gelisah akan hilang dan kemanisan ibadah akan lebih terangsang.

"Sesungguhnya dengan kecintaan kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu menjamin kita untuk memperoleh syafaat Baginda di akhirat nanti," katanya sebagai penutup ceramah.

Majlis seterusnya diserikan dengan laungan Dikir Marhaban oleh pasukan pendikir gabungan dari MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya.

Terdahulu, atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diketuai oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Awang Haji Md. Zahid bin Haji Mohd. Zain.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderhati kepada pasukan pendikir yang telah diwakilkan berdikir bagi MTIC pada hari kemuncak Mauludir Rasul peringkat seluruh negara yang telah diraikan pada 8 Oktober 2022, dan juga kepada jurulatih dikir iaitu Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak.

Turut hadir, pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua eksekutif, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak berkuasa di bawahnya.

PELITA BRUNEI

# AMBIL PENDEKATAN PROAKTIF MEMUPUK MENTALITI KESELAMATAN PESAKIT



YANG Berhormat Menteri Kesihatan ketika berucap sempena Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (World Patient Safety Day) 2022.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Keselamatan ubat-ubatan adalah penting untuk penghantaran bagi rawatan perubatan.

Malah, proses yang membolehkan penggunaan ubat-ubatan yang selamat dan cekap hendaklah dimasukkan ke dalam sistem perubatan bagi menyokong pengurusan ubat-ubatan yang optimum.

Walaupun peranan profesional penjagaan kesihatan dalam pengurusan ubat-ubatan sangat berbeza dari satu negara ke negara seterusnya, amalan pengurusan ubat-ubatan yang baik untuk keselamatan pesakit adalah universal dan perlu disokong dengan bukti saintifik dan cadangan untuk preskripsi, seperti menghasilkan program pengawasan antibiotik di seluruh negara dan penggunaan garis panduan amalan ubat yang diiktiraf.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menekankan perkara demikian ketika berucap sempena Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (World Patient Safety Day) 2022 yang berlangsung di Lobi 5, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Memandangkan kesilapan ubat-ubatan adalah salah satu punca utama kematian yang boleh dicegah terang Yang Berhormat, penyelesaian yang lebih baik diperlukan segera untuk mencegah kematian dan morbiditi. Bukan itu sahaja, mengetahui jenis dan tahap kesilapan ubat juga tidak mencukupi.

"Pengalaman kami dengan data ralat ubat-ubatan menunjukkan kesukaran untuk menghasilkan data yang tepat dan boleh dipercayai kerana kurang melaporkan kejadian.

"Selepas itu, ini menimbulkan masalah dengan mengenal pasti punca asas kesilapan," tambah Yang Berhormat.

Justeru, Yang Berhormat mengingatkan adalah penting bagi mereka yang terlibat dalam penjagaan kesihatan, terutamanya mereka yang berurusan dengan ubat-ubatan, termasuk mereka yang berada dalam jawatan penyeliaan dan kepimpinan serta mereka yang terlibat dalam pengurusan kesilapan melaporkan, untuk tidak memaafkan kesalahan dan budaya menuding jari.

"Sebaliknya, kami menggalakkan pengesanan ralat dalam sistem untuk memastikan penambahbaikan berterusan. Sila bersuara apabila awda melihat ralat ubat atau sebarang isu keselamatan pesakit dalam perkara itu.

"Oleh itu, adalah sama penting bagi semua profesional penjagaan kesihatan untuk mempunyai tingkah laku beretika dan nilai moral serta tabiat dalam persekitaran kerja dan budaya profesional penjagaan kesihatan untuk benar-benar mengambil pendekatan proaktif dalam memupuk mentaliti keselamatan pesakit. Semuanya bermula dengan awda!," ujar Yang Berhormat lagi.

Kemudian, daripada perspektif Negara Brunei Darussalam, wabak COVID-19 kata Yang Berhormat, telah memberikan kita cabaran dan peluang dalam aspek keselamatan ubat-ubatan. Pihak berkuasa kesihatan di seluruh dunia telah menghadapi keraguan apabila vaksin diberikan dan bertujuan sebagai penyelesaian untuk hidup bersama COVID.

Tetapi pada masa yang sama tambah Yang Berhormat, pandemik juga telah menunjukkan keazaman dan kehendak kerajaan dan penduduk secara keseluruhan dalam komuniti saintifik dan kesihatan dalam advokasi dan amalan berasaskan bukti mereka.

Menurut Yang Berhormat, ini termasuk peningkatan pemahaman dan penerimaan dengan risiko yang berkaitan dengan ubat-ubatan. Selain itu, pengurusan penjagaan ubat-ubatan dan kesinambungan juga terjejas secara drastik oleh keperluan untuk mengurangkan hubungan semasa wabak.

"Walau bagaimanapun, sekatan sedemikian juga memaksa kita untuk berinovasi dan menyemak serta mempertingkatkan amalan kami. Paling penting, wabak ini telah meletakkan tanggungjawab penjagaan kesihatan kembali kepada pesakit dan penjaga mereka menghasilkan penduduk yang lebih sedar dan bertanggungjawab.

"Saya mengambil maklum bahawa kami telah mengambil langkah untuk memastikan pengurusan pengambilan ubat yang betul dan keselamatan melalui pelaksanaan Antarabangsa Matlamat Keselamatan Pesakit 3 tentang Keselamatan Ubat.

"Dasar IPSG3 seperti yang saya fahami telah dikeluarkan pada September 2020, sejurus sebelum wabak melanda. Walaupun ini telah mengganggu pelaksanaan dasar ini, saya gembira mengetahui bahawa hari ini, Unit Keselamatan Pesakit Hospital RIPAS bersama bimbingan dari Pejabat Keselamatan Pesakit Kementerian Kesihatan serta sokongan daripada farmasi dan pasukan kejururawatan, akan melantik dua wad sebagai Wad Model Pengurusan Ubat," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, ia dianggap sebagai wad teladan, yang terkenal dengan pematuhan konsisten terhadap dasar IPSG3.

"Saya akan meminta wad lain untuk mempelajari dan melaksanakan amalan mereka dan kemudahan kesihatan lain untuk menerima pakai rangka kerja ini, sebagai pendorong dan pemangkin kepada perubahan.

"Selain itu, saya juga gembira mengetahui bahawa kami akan menyeragamkan hasil penyimpanan ubat kami di seluruh negara daripada laporan insiden bahawa kakitangan telah menyerahkan kepada Pejabat Keselamatan Pesakit. Dengan mengambil kira penyeragaman dan inventori berkod warna, diharapkan kami akan dapat mengelakkan kesilapan semasa fasa *dispensing* dan penyediaan ubat," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat berasa bersyukur kerana di sebalik tekanan wabak yang mereka hadapi sejak dua tahun lalu, dapat beroperasi dengan mengutamakan keselamatan pesakit.

Gangguan yang disebabkan oleh wabak berkenaan telah menjejaskan semua bidang penjagaan kesihatan tetapi ia juga telah menimbulkan kesedaran dan rasa keselamatan dan pematuhan yang lebih tinggi kepada kakitangan dan pesakit.

Yang Berhormat menyatakan, Hari Keselamatan Pesakit Sedunia ditubuhkan secara rasmi di bawah payung Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2019 dan disambut setiap 17 September.

Pada tahun ini, Keselamatan Ubat telah dipilih sebagai tema Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2022 dengan slogan 'Ubat Tanpa Kemudaratan' (Medication without Harm).

Seperti yang kita semua sedia maklum, jelas Yang Berhormat konsep panduan perubatan, iaitu "pertama, jangan membahayakan," berfungsi sebagai asas untuk keselamatan pesakit.

>> Muka 8

# Tingkat kesedaran pakar perubatan mengenai keselamatan ubat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Kesilapan ubat adalah salah satu kesilapan perubatan yang paling biasa dilaporkan di seluruh dunia dan hampir 1.5 juta orang pesakit cedera akibat kesilapan berkenaan pada setiap tahun.

Sementara, kos merawat berkaitan dadah pula dianggarkan sejumlah 3.5 bilion dolar. Data tempatan mencadangkan trend serupa berdasarkan kepada laporan insiden yang diterima melalui Alat Pelaporan Insiden Kementerian Kesihatan.

Perkara berkenaan ditekankan oleh Konsultan Gred II, Ketua Unit Keselamatan Pesakit Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Yung Chee Kwang dalam ucapan alu-aluannya sempena Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (World Patient Safety Day) yang berlangsung di Lobi 5, Hospital RIPAS, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Ini diikuti dengan ucapan khas daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, yang menekankan tentang kepentingan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pakar perubatan dan orang ramai berkaitan dengan keselamatan ubat (*medication safety*).

Sejurus selesai menyaksikan pameran sambutan berkenaan, tetamu kehormat juga turut mengadakan lawatan ke Wad 3 dan Wad 4 sebagai Model Ward.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kesihatan.

# Hasilkan sistem pendidikan lebih berdaya tahan

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**




YANG Berhormat Menteri Pendidikan bergambar ramai semasa menghadiri mesyuarat yang diadakan secara bersemuka, pada 13 hingga 14 Oktober 2022, di Hanoi, Viet Nam.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 14 Oktober. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN Ke-12 (12th ASED), Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN Plus Three Kali Ke-6 (6th APT EMM) dan Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan East Asia Summit Kali Ke-6 (6th EAS EMM) secara bersemuka, pada 13 hingga 14 Oktober 2022, di Hanoi, Viet Nam.

Mesyuarat - mesyuarat tersebut dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Latihan Vietnam selaku Pengerusi Mesyuarat pada tahun ini dengan membawa tema, 'Joint efforts to reimagine learning and building resilience of education systems in ASEAN and beyond in the new context'.

Semasa mesyuarat-mesyuarat tersebut, Menteri-menteri Pendidikan dimaklumkan mengenai pelaksanaan inisiatif-inisiatif pendidikan ASEAN, pelan kerja ASEAN dan aktiviti-aktiviti di bawah Sektor Pendidikan ASEAN dari negara-negara ahli dan beberapa pertubuhan.

Mengenai usaha ke arah menghasilkan sistem pendidikan yang lebih berdaya tahan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengongsikan mengenai Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan, yang memfokus pada tiga bidang utama, iaitu teknologi pendidikan; teknologi pengurusan; dan dasar dan infrastruktur yang memudah cara.

Pelan tersebut, antara lain bertujuan untuk memastikan agar pembelajaran digital akan berterusan sebagai norma baharu, di dalam sistem pendidikan.

Selain itu, mesyuarat-mesyuarat tersebut juga menyokong bagi Deklarasi Transformasi Digital Sistem Pendidikan di ASEAN untuk dihadapkan ke Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-40 dan Ke-41 untuk pengesahan.

Turut menghadiri Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke mesyuarat-mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan Pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

# PENGAMAL KESIHATAN PERLU DEDIKASI, CEKAP DALAM KUALITI PENJAGAAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Majlis Perasmian JPMC College of Health Sciences (JCHS).

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Penjagaan kesihatan memerlukan kerja berpasukan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pesakit kerana tanpa kerjasama berpasukan, kualiti penjagaan yang diberikan boleh terjejas.

Malah ia mungkin mengakibatkan masa bertahan lebih lama (*longer bed stays*), kes tersalah urus dan akhirnya menjadi beban keseluruhan kepada sistem penjagaan kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, menegaskan perkara berkenaan pada Majlis Perasmian JPMC College of Health Sciences (JCHS) bertempat di Blok 2B, Jalan Ong Sum Ping.

Yang Berhormat, selaku Pengerusi Lembaga JCHS, berkata, sesungguhnya penjagaan kesihatan adalah unik dalam erti kata lain ia sentiasa berubah.

"Jika satu perkara yang kita pelajari daripada pandemik baru-baru ini ialah kita perlu dinamik. Untuk berbuat demikian, awda memerlukan pelbagai sifat tertentu," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebaik-baiknya, satu pasukan profesional kesihatan memerlukan individu untuk mempunyai tahap dedikasi, kecekapan dan sikap tertentu dengan kualiti penjagaan adalah pusat segala-galanya. Ini adalah pelbagai sifat yang akan menentukan profesion awda.

"Saya berharap, bersama-sama pasukan pensyarah yang disediakan, institusi ini akan dapat membantu awda mencapai pelbagai sifat ini sambil memberi awda kemahiran untuk beraksi di dunia sebenar.

"Saya mohon agar awda mengambil peluang yang diberikan dan bekerjasama dengan mereka untuk menyerap sebanyak mungkin daripada apa yang mereka tawarkan supaya awda boleh bersedia untuk menempuh dunia sebenar apabila tamat pengajian nanti," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menyatakan bahawa adalah menjadi visi Yang Berhormat supaya graduan dari JCHS akan menjadi sebahagian daripada bukan sahaja dalam sistem penjagaan kesihatan tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa, untuk menyumbang ahli mana-mana sistem penjagaan kesihatan dan mencapai yang terbaik.

Sifat dinamik penjagaan kesihatan ujar Yang Berhormat, memerlukan lebih ramai orang untuk menerajuinya, mahir dalam bidang dan mengembangkannya lagi.

Untuk itu Yang Berhormat berharap asas yang ditetapkan oleh institusi berkenaan akan membuka laluan bagi para pelajar.

# JCHS kukuhkan ekosistem penjagaan kesihatan negara



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga JCHS; dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bergambar ramai pada Majlis Perasmian JCHS, di Block 2B, Jalan Ong Sum Ping.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Negara Brunei Darussalam mencatat satu lagi ristaan sejarah baharu dengan tertubuhnya Kolej Sains Kesihatan Swasta yang pertama di negara ini yang ditubuhkan oleh Jerudong Park Medical Centre (JPMC), syarikat milik sepenuhnya oleh Darussalam Assets Sdn. Bhd. (DA), bersama Far Eastern University (FEU) dari Republik Filipina.

Dengan penubuhan JPMC College of Health Sciences (JCHS), ia dihasratkan untuk mengukuhkan ekosistem penjagaan kesihatan yang sedia ada di negara ini dengan melahirkan lebih ramai jururawat tempatan yang berkelayakan dan cekap.

JCHS akan memudahkan dan meningkatkan lagi hasrat negara dalam meneruskan sistem penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian JCHS, berlangsung di Block 2B, Jalan Ong Sum Ping dan disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi Lembaga JCHS.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad selaku Ahli-ahli Lembaga JCHS.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dekan JCHS, Dr. Rachelle Garcia mengucapkan tahniah kepada para pelajar yang telah memilih untuk menjadi bakal profesional penjagaan kesihatan masa depan.

Jalan menuju kerjaya kejururawatan jelasnya bukanlah mudah untuk dilalui, namun dengan usaha, semangat dan dedikasi, ia tidak mustahil untuk dicapai.

JCHS tambahnya akan memberi kemudahan pembelajaran dan pertumbuhan profesional para pelajar, serta mengembangkan mereka menjadi generasi jururawat baharu yang cemerlang, berorientasikan pendidikan dan penyayang, yang seterusnya akan meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup individu, keluarga dan masyarakat.

Kolej berkenaan kini menerima kira-kira 54 pelajar yang telah mendaftar bagi mengikuti pengajian di kolej berkenaan, yang menawarkan Sijil Kursus Asas Sains dan juga Sarjana Sains Muda Asas Kejururawatan.

Yuran pendaftaran bagi mengikuti Kursus Asas Sains bagi tempoh pengajian satu tahun adalah sebanyak BND6,800 bagi setiap tahun akademik (*per academic year*), iaitu bagi pengambilan 2022 - 2023 manakala bagi Sarjana Sains Muda Asas Kejururawatan pula berjumlah BND6,800, iaitu untuk tempoh tiga tahun, bagi pengambilan 2023 - 2024.

Para pelajar yang mempunyai keputusan 4 'O' level dalam aliran Inggeris dan Combined Science adalah dialu-alukan untuk mendaftar.

Untuk maklumat lanjut, kunjungi *@jpmcbruneicollege*, di laman media sosial Instagram.

## HALUAN

**>> Muka 2**

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering menekankan tuntutan untuk sentiasa bertanggungjawab ke atas orang-orang bawahan. Dalam erti kata lain, seorang pemimpin bukan hanya bertanggungjawab ke atas perlakuannya sendiri, bahkan ke atas perlakuan dan kebajikan setiap pekerja di bawahnya. Semakin banyak pekerja yang dipimpin, maka semakin kompleks dan besarlah tanggungjawab yang dipikul sehinggalah akan dituntut dan dipersoalkan nanti di hari pembalasan.

Sehubungan itu, di majlis yang mulia ini, marilah kita sama-sama menyahut dan mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baharu Hijrah 1444 untuk "*mengotakan azam menjadikan "niat baik kerana Allah" sebagai pasak dalam semua tindak-tanduk dan amal soleh kita*". Baginda menitahkan :

"*...kalau kita membangun, membangun itu kita niatkan kerana Allah untuk kesejahteraan rakyat. Kalau kita menjana ekonomi, menjana ekonomi itu kita niatkan kerana Allah untuk kemakmuran negara. Kalau kita menjalankan undang-undang, menjalankan undang-undang itu kita niatkan kerana Allah untuk menegakkan keadilan. Kalau kita memperkasa pertahanan, memperkasa pertahanan itu niatkan kerana Allah untuk keselamatan. Kalau kita menangani COVID-19, juga kita niatkan kerana Allah untuk kebaikan semua, dan lain-lain lagi.*

*Mudah-mudahan dengan niat ikhlas kita yang demikian itu, semua pekerjaan atau usaha kita yang berkebajikan akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala".*

*Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sebelum mengakhiri ucapan, sukacita peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam selaku penyelaras program-program pembangunan kepimpinan CSLP; Universiti Teknologi Brunei selaku pembekal EDPSGO Kali Ke-29 dan EDPMMO Kali Ke-31; Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku pembekal EDPMMO Ke-32; Institut Perkhidmatan Awam selaku pembekal YEP-5 dan YEP-6, kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan yang telah memberi kerjasama strategik selaku *interning agencies*, penceramah - penceramah undangan serta semua yang terlibat. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan peramba / saya ucapkan atas usaha dan sumbangan tenaga dan kerja keras yang telah dilaksanakan untuk menjayakan program-program tersebut.

Akhirnya, sekali lagi peramba / saya sukacita mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta program yang akan menerima sijil pada hari ini.

Sekian.

*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PELITA BRUNEI

# BRU-HIMS PACS PERTINGKATKAN, MANTAPKAN KUALITI, EFISIENSI PERKHIDMATAN



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan melancarkan Reporting Room, di Jabatan Radiologi.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 Oktober. - Sistem Bru-HIMS mengintegrasikan pengurusan maklumat pesakit di semua hospital, pusat kesihatan dan klinik kerajaan dan mendatangkan kesan yang positif, dalam memperkesankan lagi kualiti serta penambahbaikan penjagaan dan perkhidmatan kesihatan, di Negara Brunei Darussalam.

Usaha bagi mempertingkatkan dan memantapkan kualiti serta efisiensi perkhidmatan-perkhidmatan diteruskan lagi dengan menambah baik dan menaik taraf keupayaan Sistem Bru-HIMS yang sedia ada melalui Projek Bru-HIMS Enhancement Picture Archiving and Communication System (PACS), di mana ia merupakan sistem pengurusan imej-imej pesakit.

Perkara tersebut, antara yang dinyatakan oleh Timbalan Ketua Jabatan Radiologi, Dr. Nor Lenny binti Haji Abdullah, dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Pelancaran Sistem Bru-HIMS PACS, di Tingkat 2, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Timbalan Ketua Jabatan Radiologi, Dr. Nor Lenny selaku Pengerusi Majlis, seterusnya berkata, Projek Bru-HIMS PACS mula dilaksanakan pada awal tahun 2019 dan dikategorikan di bawah Highly Specialized Quadrant, di dalam Local Business Development Framework (LBD) dan merupakan projek, di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN-11) yang menerapkan konsep yang sama, seperti Bru-HIMS, iaitu Satu Pesakit, Satu Rekod (One Patient, One Record).

Sistem Bru-HIMS PACS itu, menurutnya adalah teknologi digital dalam pengimejan perubatan yang sentiasa berkembang untuk penyimpanan, pengurusan, pengedaran, akses yang mudah dan paparan imej perubatan berkualiti serta lebih jelas.

Dalam projek tersebut, tambahnya, Sistem Bru-HIMS PACS yang dilaksanakan mempunyai dua komponen, iaitu Radiology PACS bagi penyimpanan imej-imej Radiologi, seperti X-Ray dan CT Scan; dan Cardiology PACS bagi penyimpanan imej-imej jantung, termasuk rekod Electrocardiogram (ECG).

Sementara itu, Ketua Jabatan Kardiologi, Dr. Sofian bin Dato Dr. Haji Johar dalam ucapannya, antara lain menjelaskan, PACS akan meningkatkan prestasi, penyimpanan dan pelaporan semua penyiasatan Kardiologi di seluruh negara, di mana semua hospital serta pusat kesihatan, di bawah kawalan Kementerian Kesihatan di Negara Brunei Darussalam dihubungkan dengan sistem ini dan Bru-HIMS untuk merealisasikan matlamat Satu Pesakit, Satu Rekod.

Menurutnya lagi, Sistem PACS berpotensi untuk menambah baik banyak aspek penjagaan perubatan, terutamanya dalam diagnosis dan rawatan penyakit jantung dan diharap semua pihak dalam Kementerian Kesihatan, termasuk doktor-doktor, jururawat-jururawat dan ahli-ahli teknologi Kardiovaskular bekerjasama untuk memastikan pelaksanaannya berjaya.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya melancarkan Sistem Bru-HIMS PACS ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Seterusnya, Yang Berhormat membuat lawatan dan ke Jabatan Radiologi serta Jabatan Kardiologi bagi menyaksikan demonstrasi secara langsung penggunaan dan aplikasi sistem tersebut dalam pengurusan serta penyediaan perkhidmatan Radiologi dan Kardiologi.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat juga melancarkan Reporting Room, di Jabatan Radiologi; dan Echo Reporting Room, di Jabatan Kardiologi.

Sebagai sistem pengurusan imej, PACS diselaraskan dengan Sistem Bru-HIMS dan disalurkan ke pelbagai peralatan imej perubatan dalam Radiologi dan Kardiologi, di hospital dan pusat kesihatan, di negara ini, yang akan dapat meningkatkan kecekapan serta kualiti penjagaan kesihatan secara digital untuk menyimpan imej perubatan, dalam platform yang selamat dan terjamin serta membolehkan ia diakses secara mudah serta pantas, justeru membolehkan imej perubatan disediakan dari mana-mana terminal Bru-HIMS bila-bila masa dan di mana sahaja ia diperlukan.

Sistem PACS juga memainkan peranan yang penting dalam keseluruhan carta kerja secara klinikal dalam perkhidmatan Radiologi dan Kardiologi serta menyokong ke arah aspirasi Kementerian Kesihatan dalam memperkukuhkan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui penyediaan kualiti yang lebih baik, berkesan, cekap, responsif, adil dan perkhidmatan yang boleh diakses, selaras dengan usaha kementerian ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk, di negara ini.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; dan Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi yang berkenaan.

## Ambil pendekatan proaktif memupuk mentaliti keselamatan pesakit

>> Muka 6

Menurut WHO, kesilapan ubat menyebabkan kira-kira 50 peratus daripada semua kemudaratan yang boleh dicegah dalam penjagaan kesihatan manakala secara global, kos yang berkaitan dengan kesilapan ubat telah dianggarkan 42 bilion USD setiap tahun. Ralat boleh berlaku pada peringkat yang berbeza dalam proses penggunaan ubat.

"Kesilapan ubat berlaku apabila sistem ubat yang lemah dan / atau faktor manusia seperti keletihan, keadaan persekitaran yang buruk atau kekurangan kakitangan menjejaskan amalan pengurusan ubat, yang kemudiannya boleh mengakibatkan bertahan di hospital yang lebih lama, bahaya dan juga kematian," tegas Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru adalah tepat pada masanya objektif Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2022 pada tahun ini adalah untuk menggalakkan tindakan segera dalam meningkatkan keselamatan dan kesedaran peningkatan dadah tentang kesan kesilapan ubat dan amalan tidak selamat.

Seterusnya, melibatkan rakan kongsi penting dan pihak berkepentingan dalam inisiatif untuk hentikan ralat farmaseutikal dan kurangkan bahaya daripada penggunaan ubat-ubatan yang tidak betul, di samping memperkasakan pesakit dan keluarga mereka untuk mengambil peranan aktif dalam penggunaan ubat-ubatan yang selamat dan melaksanakan Cabaran Keselamatan Pesakit Global WHO: Ubat Tanpa Kemudaratan pada tahap SKALE-UP.

# Kukuhkan semangat persaudaraan sesama umat Islam

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 14 Oktober. - Perpaduan Islam merupakan suatu perkara yang penting dalam agama, malah menjadi kefarduan dan tanggungjawab yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada hamba-hamba-Nya yang beriman.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berucap perkara tersebut dalam rakaman ucapan (bahasa Arab) bagi Persidangan Antarabangsa Perpaduan Islam Kali Ke-36, Tahun 2022 mengenai 'Persaudaraan Sesama Islam Pemangkin Kesatuan Umat' dan disiarkan dalam bentuk Webinar melalui ruang siber yang berpusat di Republik Islam Iran, hari ini.

Kewajipan ini, tegas Yang Berhormat Mufti Kerajaan memerlukan umat Islam berpegang teguh kepada tali Allah dan kepada ajaran Islam.

Menurut Yang Berhormat lagi, antara cara yang merintis jalan untuk mencapai kesatuan itu ialah dengan mengukuhkan semangat persaudaraan sesama umat Islam kerana apa yang membezakan umat Islam dengan yang lain ialah ikatan rapat dan kukuh kuat yang mengikat umat Islam sesama mereka.

"Umat Islam akan menjadi maju dan kukuh bergantung kepada sejauh mana komitmen mereka melaksanakan tanggungjawab ini," tegasnya.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa kesan-kesan positif kesatuan umat Islam itu seterusnya akan memberikan kesan-kesan positif ke atas individu dan masyarakat Islam pula.

Persidangan Antarabangsa Perpaduan Islam Ke-36 diadakan dalam bentuk Webinar bermula 9 hingga 14 Oktober, 2022 di Republik Islam Iran.

Memetik kenyataan dari laman sesawang persidangan tersebut, tujuan Persidangan Perpaduan Islam Antarabangsa ini adalah untuk mewujudkan perpaduan dan kesetiakawanan dalam kalangan umat Islam, mengembangkan ijmak dalam kalangan para ulama dan saintis.

Di mana ia adalah demi penyelarasan ilmiah dan budaya mereka, mengemukakan penyelesaian praktikal untuk mencapai perpaduan Islam dan ummah Islam yang bersatu di dunia Islam dan menyelesaikan masalah umat Islam serta memberikan penyelesaian untuk mereka.

Menurut laman sesawang itu juga, peserta persidangan dipilih daripada kalangan elit dan tokoh terpelajar, Menteri-menteri Negara Islam, para ulama dan para mufti, profesor-profesor universiti dan masyarakat akademik dan budaya lainnya, di dalam dan luar negara.

Ratusan cendekiawan, ulama dan para pemikir Islam dari pelbagai negara seperti Perancis, Syria, Lubnan, Australia, Mesir, Malaysia, Sudan, Pakistan, India,




**YANG Berhormat Mufti Kerajaan berucap dalam rakaman ucapan (bahasa Arab) bagi Persidangan Antarabangsa Perpaduan Islam Kali Ke-36, Tahun 2022 mengenai 'Persaudaraan Sesama Islam Pemangkin Kesatuan Umat' dan disiarkan dalam bentuk Webinar melalui ruang siber, yang berpusat di Republik Islam Iran.**

Azerbaijan, United Kingdom, Jordan, Iraq, Indonesia, Gambia, Palestin, Afghanistan, Senegal, Libya, Bahrain, Algeria, Yemen, Greece, Turkiye, Uganda, Kuwait, Qatar, Belanda, Emiriah Arab Bersatu dan lain-lain juga turut mengambil bahagian dalam persidangan ini.

Penyertaan Yang Berhormat Mufti Kerajaan dalam persidangan ini adalah atas undangan Setiausaha Agung World Forum For Proximity of Islamic Schools of Thought, Tuan Yang Terutama Dr. Hamid Shahriari.

# TINJAU KAWASAN TERJEJAS BANJIR DI DAERAH TUTONG





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan Lawatan Kerja ke kawasan-kawasan yang terjejas dengan banjir, di Daerah Tutong (kiri dan atas).

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong**

**TUTONG**, Khamis, 13 Oktober. - Berikutan hujan lebat beberapa hari yang lalu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, hari ini mengadakan Lawatan Kerja ke kawasan-kawasan yang terjejas oleh banjir di Daerah Tutong.

Sesi lawatan bermula di Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong - Pencegahan Banjir di Kampung Takuyad, Bukit Udal dan Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong - Pencegahan Banjir di Kampung Lubok Pulau.

Pada lawatan berkenaan, penerangan ringkas mengenai kedua-dua projek berkenaan disampaikan oleh para pegawai dari Jabatan Saliran dan Pembentungan, Jabatan Kerja Raya.

Seterusnya, Yang Berhormat melawat ke Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya, iaitu lokasi yang berpotensi untuk dijadikan Pusat Penempatan Sementara, seterusnya meninjau ke projek menaik paras jalan di Jalan Kecil Layong.

Lawatan diteruskan lagi ke Checkpoint Shuttle Service Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), di Jalan Rambai bagi mendengar penerangan ringkas mengenai operasi bantuan ABDB.

Yang Berhormat seterusnya membuat tinjauan di jalan-jalan terjejas banjir di Jalan Rambai, Jalan Kuala Ungar dan Jalan Panchong serta berkesempatan berjumpa dengan penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung kawasan yang terjejas oleh banjir serta para pegawai dari Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan di Sekolah Rendah Panchong.

Lawatan Yang Berhormat diakhiri di Balai Bomba Lamunin.

Lawatan berkenaan bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat pelbagai projek mitigasi banjir Daerah Tutong, kawasan-kawasan dan jalan-jalan yang dilanda banjir dan juga untuk memastikan persediaan pelbagai agensi kerajaan bagi menghadapi cuaca hujan kebelakangan ini.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC) melalui Batalion Kedua, TDDB telah pun menyediakan bantuan pengangkutan kenderaan trak di kawasan jalan yang terjejas di Jalan Rambai, Jalan Kuala Ungar dan Jalan Panchong bagi para penduduk kampung yang memerlukan.

Antara kawasan-kawasan yang terjejas dan dilanda banjir ialah kawasan Kampung Benutan dan beberapa batang jalan termasuklah Jalan Bangkuru, Jalan Rambai, Jalan Kuala Ungar-Rambai, Jalan Panchong, Jalan Bang Pangan, Jalan Rumpou dan Jalan Kecil Layong.

Pada masa ini, pembahagian barang-barang catuan daripada pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Tutong juga sedang dilaksanakan di beberapa buah rumah di kawasan yang terjejas.

Pelbagai agensi kerajaan di bawah DDMC Tutong sentiasa bersedia dari semasa ke semasa dan akan bertindak secara bersepadu bagi sebarang kemungkinan yang berlaku berikutan keadaan cuaca pada masa ini yang tidak menentu.

Turut hadir pada lawatan berkenaan, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan Ahli-ahli DDMC serta Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

# 42 pegawai tamatkan Kursus Maktab Turus ABDB





YANG Mulia Timbalan Menteri Pertahanan menyampaikan sijil kepada para peserta yang menamatkan Kursus Maktab Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Sesi Ke-12 (atas dan atas kanan).

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**TANAH JAMBU**, Jumaat, 14 Oktober. - Para peserta kursus ditekankan untuk memanfaatkan ilmu dan latihan yang diperoleh semasa kursus untuk menjadi seorang pemimpin yang berkebolehan serta mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran dan ancaman sekuriti yang sentiasa berubah.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir selaku tetamu kehormat menekankan perkara itu dalam ucapannya semasa Majlis Penutup Kursus Maktab Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Sesi Ke-12, yang diadakan di Akademi Pertahanan ABDB (AP ABDB), di sini.

Menurutnya, pemimpin masa depan hendaklah berinovasi dan mengamalkan pemikiran kritikal untuk menghadapi cabaran pada masa depan.

Justeru, beliau mengingatkan para peserta untuk sentiasa berdaya tahan, mudah menyesuaikan diri dan berani serta berkebolehan menangani isu-isu kontemporari.

Seramai 42 pegawai yang menamatkan Kursus Maktab Turus ABDB Sesi Ke-12, yang dijalankan selama 40 minggu diraikan pada Majlis Penutup Kursus berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Mujadilah, dari ayat 10 hingga 13 oleh salah seorang peserta kursus, Mejar Pengiran Muhd. Khairuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tali.

Ini diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Komandan Akademi Pertahanan ABDB, Kolonel Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof dan diteruskan dengan ucapan penutupan rasmi oleh tetamu kehormat majlis.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, beberapa anugerah penghargaan diberikan kepada Peserta-peserta Kursus Maktab Turus.

Pada tahun ini, Anugerah RBAF CSC Overall Excellence dan Anugerah Academic Excellence diberikan kepada Mejar Jonathan Edward D'Cruz dari Angkatan Bersenjata Republik Singapura.

Sementara itu, Anugerah RBAF Commendation diberikan kepada Dayang Nur Khadijah binti Ramli dari Kementerian Pertahanan dan Anugerah Commandant's Award pula diberikan kepada Mejar Abdul Aziz bin Haji Razali dari Tentera Darat Diraja Brunei.

Bukan itu sahaja, para peserta kursus yang berjaya akan diberikan kelulusan UBD Graduate Diploma in Defence and Security Studies dan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana dalam Bidang Defence and Security Studies, di Universiti Brunei Darussalam.

Kursus Maktab Turus Sesi Ke-12 ini, terdiri daripada Pegawai-pegawai dari ABDB, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Kementerian Pertahanan dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri serta 15 peserta antarabangsa dari 12 buah negara, iaitu Australia, Republik Rakyat Bangladesh, Republik India, Republik Indonesia, New Zealand, Malaysia, Kesultanan Oman, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Arab Saudi, Republik Singapura dan United Kingdom.

Kursus yang dikendalikan dengan kerjasama UBD ini bertujuan untuk memperluaskan perspektif dan kepakaran profesional secara praktikal serta akademik dan disiplin bagi meneroka isu-isu persekitaran strategik semasa serta kesannya terhadap mereka yang bekerja dalam Bidang Pertahanan dan Keselamatan.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah - pemerintah Angkatan Tentera, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Perwakilan dari Kedutaan Luar Negeri di Negara Brunei Darussalam, Penolong Naib Canselor UBD, Pengarah-pengarah, Atase-atase dan Penasihat-penasihat Pertahanan yang menetap dan tidak menetap di Negara Brunei Darussalam, Komandan-komandan, Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Ahli-ahli Fakulti UBD dan Pegawai-pegawai Kanan ABDB.

# PEMERKASAAN BELIA JADI KEUTAMAAN ASCC




**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menghadiri Mesyuarat Ke-28 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC), di Phnom Penh, Kemboja, pada 12 hingga 13 Oktober 2022.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**PHNOM PENH**, KEMBOJA, Jumaat, 14 Oktober. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad menghadiri Mesyuarat Ke-28 Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC), di Phnom Penh, Kemboja pada 12 hingga 13 Oktober 2022.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, Belia dan Sukan, Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Hang Chuon Naron.

Semasa mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengetengahkan, bahawa "Tema Kemboja selaku Pengerusi ASEAN, iaitu ASEAN A.C.T. : Addressing Challenges Together menetapkan hala tuju kerja-kerja ASCC dan Badan-badan Sektoral di bawahnya bagi tahun 2022, dengan mengutamakan usaha-usaha pembangunan komuniti dan penyesuaian diri pada cabaran-cabaran serta peluang-peluang yang akan datang.

"Perkara ini menggariskan semula peranan penting ASCC untuk mencapai komuniti yang berpaksikan rakyat (*people-centred*) dan berorientasikan rakyat (*people-oriented*)".

Menteri-menteri Majlis ASCC menekankan pentingnya peranan aktif golongan belia dalam pembangunan komuniti ASEAN serta dalam menangani cabaran-cabaran yang sedia ada mahupun yang akan datang, di rantau ini.

Yang Berhormat menegaskan, bahawa agenda pemerkasaan belia masih kekal sebagai keutamaan bagi ASCC, di samping menekankan keperluan untuk sentiasa menyediakan landasan bagi belia untuk mengongsikan cerita-cerita kejayaan mereka dan pengajaran yang diperoleh oleh mereka, demi memberikan gambaran yang lebih komprehensif serta jelas mengenai penglibatan mereka di dalam ASEAN.

Yang Berhormat juga seterusnya menekankan semula peranan kebudayaan serta industri kreatif sebagai pemboleh (*enabler*) dan pemacu (*driver*) bagi pertumbuhan sosioekonomi ASEAN, serta mengalu-alukan Siem Riep Declaration on Promoting a Creative and Adaptive ASEAN Community to support the Cultural and Creative Economy.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengongsikan pandangan, bahawa deklarasi ini akan membolehkan ASEAN untuk menonjolkan trend-trend baharu serta mempertingkatkan lagi taraf hidup pekerja-pekerja dalam sektor budaya dan industri kreatif, yang dirangkumi oleh belia-belia, wanita, warga emas serta warga berkurangan upaya, demi memanfaatkan perubahan pesat disebabkan oleh transformasi digital.

Sebagai susulan kepada beberapa *deliverables* utama Negara Brunei Darussalam semasa mempengerusikan ASCC pada tahun lepas, antara komitmen yang masih ditetapkan adalah penerusan dalam usaha untuk menubuhkan ASEAN Centre for Climate Change di Negara Brunei Darussalam.

Menteri-menteri Majlis ASCC seterusnya mengalu-alukan perkembangan kerjasama dalam Bidang Sukan bagi ASEAN Plus China melalui Senior Officials Meeting on Sports (SOMS) yang akan memulakan penglibatan bersama General Administration of Sports of China tahun ini, di samping pelaksanaan ASEAN Framework on Care Economy melalui ASEAN Comprehensive Recovery Framework dan penetapan Care Economy sebagai Research and Development Platform, di bawah ASCC.

Menteri-menteri Majlis ASCC seterusnya mengesahkan dan mengambil maklum ASCC *outcome documents*, yang akan dihadapkan kepada Ketua-ketua Negara / Kerajaan ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41, yang akan diadakan pada bulan November 2022, di Phnom Penh, Kemboja.

Mesyuarat Majlis ASCC Ke-28 didahului oleh 33rd Meeting of the Senior Officials' Committee for ASEAN Socio-Cultural Community (SOCA), yang diadakan melalui persidangan video, pada 5 Oktober 2022.

Mesyuarat SOCA Ke-33 membincangkan kemajuan pelaksanaan ASCC Blueprint 2025 dan inisiatif ASCC sebelumnya, termasuk ASEAN Comprehensive Recovery Framework; Hanoi Declaration on the ASEAN Community's Post-2025 Vision; Bandar Seri Begawan Declaration on the ASEAN Strategic and Holistic Implementation to Link ASEAN Responses to Emergencies and Disaster (ASEAN SHIELD); dan kedudukan permohonan Timor-Leste selaku Negara Ahli ASEAN.

Di samping Mesyuarat Majlis ASCC Ke-28, Yang Berhormat bersama Menteri-menteri Majlis ASCC dan Setiausaha Agung ASEAN turut serta dalam pertemuan hormat bersama Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techno Hun Sen.

Yang Berhormat juga mengadakan perjumpaan dua hala bersama Menteri Pendidikan, Belia dan Sukan, Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Hang Chuon Naron selaku Pengerusi Mesyuarat Majlis ASCC 2022; dan Coordinating Minister for Human Development and Cultural Affairs, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Muhadjir Effendy selaku Pengerusi Majlis ASCC bagi tahun 2023 yang akan datang.

# Memastikan pelan tindakan Rancangan Strategik terus relevan



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama bergambar ramai pada sesi penutup Bengkel Penelitian Separuh Penggal (Mid-Term Review) Rancangan Strategik KHEU bagi Tahun 2020 - 2024.**

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini mengadakan sesi penutup Bengkel Penelitian Separuh Penggal (Mid-Term Review) Rancangan Strategik KHEU bagi Tahun 2020 - 2024.

Ia bertujuan bagi memastikan sasaran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan bagi Rancangan Strategik 2020 - 2024 adalah relevan dengan perkembangan semasa dan selaras ke arah Wawasan Brunei 2035.

Bengkel selama tiga hari berkenaan diadakan di Kompleks Sukan Jerudong.

Para peserta bengkel terdiri daripada 36 pegawai peringkat eksekutif dan pengurusan pertengahan kementerian berkenaan.

Pada hari terakhir bengkel, para peserta membentangkan hasil penelitian ke atas setiap fokus strategik utama Rancangan Strategik KHEU 2020 - 2024, iaitu Pendidikan Ugama / Arab Berkesan; Dakwah Mantap Berkesan; Jaminan Keselamatan dan Kesejahteraan Sosial.

Hadir semasa pembentangan berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Latihan dan aktiviti sepanjang bengkel berkenaan telah meneliti semula keberkesanan Rancangan Strategik KHEU pada pertengahan penggal 2020 - 2024.

Penelitian semula berkenaan adalah langkah yang sangat penting dalam pengurusan rancangan strategik, kerana rancangan strategik merupakan *live document* yang terkesan dengan persekitaran yang berubah-ubah di luar jangkaan.

Oleh itu, ada keperluan untuknya diteliti dan dikemas kini semasa tempoh pelaksanaannya.

Bengkel dimudah cara oleh Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh.

Bengkel telah dikendalikan bersama oleh Unit Muraqib, KHEU dan Institut Perkhidmatan Awam.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

# BINCANG KEDAYATAHANAN SISTEM PENDIDIKAN DI ASEAN




**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai pada mesyuarat yang diadakan secara bersemuka, di Hanoi, Viet Nam.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Menteri-menteri Pendidikan ASEAN Kali Ke-17 (17th SOM-ED), Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pendidikan ASEAN Plus Three (12th SOM-ED+3) dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pendidikan East Asia Summit Kali Ke-7 (7th EAS SOM-ED) yang diadakan secara bersemuka pada 11 hingga 12 Oktober 2022 di Hanoi, Viet Nam.

Mesyuarat - mesyuarat berkenaan dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Latihan Viet Nam selaku Pengerusi Mesyuarat pada tahun ini dengan membawa tema 'Joint efforts to reimagine learning and building resilience of education systems in ASEAN and beyond in the new context' (Usaha Bersama Dalam Memulihkan Pembelajaran dan Membina Kedayatahanan Sistem Pendidikan di ASEAN Seterusnya Dalam Konteks Baharu).

Pada mesyuarat-mesyuarat berkenaan, para pegawai kanan pendidikan ASEAN telah pun dimaklumkan mengenai dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif pendidikan ASEAN, pelan kerja ASEAN dan pelbagai aktiviti di bawah sektor pendidikan ASEAN dari negara-negara ahli dan beberapa pertubuhan.

Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati juga berkesempatan untuk mengongsikan mengenai perkembangan terkini di bawah Working Group on Student Mobility and Quality Assurance of Higher Education among ASEAN Plus Three Countries (APTWG).

Selain itu, pelbagai dokumen yang akan dibentangkan semasa mesyuarat-mesyuarat peringkat menteri yang akan berlangsung pada 13 hingga 14 Oktober 2022 di Hanoi, Viet Nam juga turut dibincangkan.

Turut menghadiri bersama-sama Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) ke mesyuarat-mesyuarat berkenaan ialah para pegawai Kementerian Pendidikan.

# Jom Kiulap Siuk beri peluang belia pasarkan produk



**SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa merasmikan dan seterusnya menyaksikan antara belia yang ikut serta dalam Jom Kiulap Siuk (atas kanan dan atas).**



**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 14 Oktober. - Jom Kiulap Siuk adalah acara anjuran Starbugs Event Management, yang bermula hari ini hingga 16 Oktober 2022, di Ruang Legar, Kolej IGS, Kiulap.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, di sini.

Jom Kiulap Siuk adalah salah satu aktiviti bagi pemasaran produk dan jualan yang diusahakan oleh anak belia tempatan Brunei.

Adapun objektif utama acara tersebut adalah untuk memberikan peluang kepada anak belia bagi memasarkan produk di tempat yang lebih strategik, seperti kawasan Kiulap, di mana kapasiti trafik orang ramai amat menggalakkan.

Selain itu, acara bertujuan untuk menjadikan Kiulap sebagai salah satu destinasi baharu bagi anak-anak belia menunjukkan kemahiran masing-masing dalam Bidang Perniagaan, di samping memberikan mereka peluang dengan menjadikan destinasi baharu ini untuk meraih pendapatan lebih.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan, seperti jualan barangan terpakai, koleksi barangan, pameran burung dan binatang, permainan Nerf, permainan papan selaju, *face painting* dan banyak lagi.

Jom Kiulap Siuk ini akan diteruskan pada setiap minggu, mulai minggu ini hingga Disember nanti.

Jom Kiulap Siuk turut disokong oleh Setia Kenangan Kompleks.





**SEKITAR suasana Jom Kiulap Siuk (kiri dan kiri sekali).**

# PENYERAHAN BENDERA BAGI MISI PENGAMAN UNIFIL

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober, - Seramai 30 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan berlepas untuk mengikuti penugasan misi pengaman ke Lubnan di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIFIL).

Pasukan pengaman ABDB akan menyertai Kontinjen Malaysia 850-10 (MALBATT 850-10).

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada anggota ABDB yang menyertai misi pengaman di Lubnan telah berlangsung di Bolkiah Garison, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mejar Abdul Mujib bin Japar dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Acara diteruskan lagi dengan penyerahan bendera kebangsaan yang disampaikan oleh Pemerintah ABDB kepada Ketua Kontinjen NBD bagi MALBATT 850-10.

ABDB telah turut serta dalam misi pengaman UNIFIL sejak tahun 2008 untuk menyelaraskan dan mempertahankan kepentingan NBD dalam mengekalkan tiga tonggak utama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB); keamanan dan keselamatan; hak asasi manusia dan pembangunan.

ABDB tetap komited untuk menyumbang kepada keamanan dan kestabilan rantau dan antarabangsa, sebagai sebahagian daripada komitmen ke arah keamanan dan kestabilan global.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa bergambar ramai pada majlis berkenaan. Turut hadir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah; Setiausaha Tetap (Pembangunan, Pemeliharaan dan Teknologi), Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Haji Mohammad Norfahssin bin Haji Abdul Karim; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, pengarah-pengarah, Penasihat Pertahanan Malaysia ke NBD, para pegawai kanan tentera dan awam.





PEMERINTAH ABDB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada anggota ABDB yang menyertai misi pengaman di Lubnan, berlangsung di Bolkiah Garison (kiri dan kanan).

# MoU IBTE - Seng Hoe Huat Group of Companies : Praktikkan pengetahuan dipelajari

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Rabu, 12 Oktober. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Seng Hoe Huat Group of Companies bagi Program Perantisan Sistem Dual IBTE.

Majlis Penandatanganan yang berlangsung di The Longhouse Training Restaurant, Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal itu disaksikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku tetamu kehormat.

Menandatangani bagi pihak IBTE, Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli, disaksikan oleh Pemangku Pengetua IBTE Sentral, Dayang Hajah Rohani binti Haji Mohammad Salleh.

Manakala pihak Seng Hoe Huat Group of Companies, diwakili oleh Pengarahnya, Wong Hui Ting dan disaksikan oleh Jeremy Chung Yaw Chuan.

Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri, dalam ucapan alu-aluannya berkata, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, IBTE bekerjasama rapat bersama pelbagai pihak berkepentingan bagi menyediakan modal insan berkemahiran sebagai pemacu kepada negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Katanya, IBTE mengalu-alukan dan menggalakkan semua pihak berkepentingan untuk terlibat sama dalam sistem latihan perantis ini yang terbukti berjaya, sama ada di dalam mahupun luar negara.

Empat buah anak syarikat Seng Hoe Huat menandatangani MoU tersebut, termasuk Seng Hoe Huat Auto Accessories Service Company, Auto Gadgets (AG) Company, Autopro Tyre Company dan Momocorse Auto Company.

Majlis penandatanganan ini bertujuan untuk mengesahkan dan merasmikan Program Perantisan Sistem Dual IBTE dalam Bidang Automotive Technician yang akan dijalankan pada tahun ini dan perancangan untuk menjalankan dua buah Program Perantisan Sistem Dual IBTE dalam Bidang Professional Cookery and Services; dan Refrigeration and Air Conditioning, pada tahun yang akan datang.




MAJLIS Penandatanganan yang berlangsung di The Longhouse Training Restaurant, Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal itu disaksikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku tetamu kehormat.

Pelajar IBTE yang mengikuti Program Perantisan ini akan berpeluang untuk menimba pengalaman dan mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari, dalam bentuk pengalaman kerja yang sebenar.

Dalam masa yang sama, para pelajar akan memperoleh kemahiran yang diperlukan melalui pemantauan dan tunjuk ajar daripada pakar-pakar berpengalaman.

IBTE sentiasa berusaha agar para pelajar dilengkapi dengan kemahiran dan mempunyai tahap kebolehpasaran tinggi yang diperlukan oleh pihak industri.

# KONGSI ILMU SENI KHAT JAWI BERSAMA GENERASI MUDA



**PENGETUA Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu khas pada Bengkel Seni Khat Jawi.**

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Perpustakaan dan Pembelajaran berserta Bahagian Perkhidmatan dan Pameran hari ini telah menganjurkan Bengkel Seni Khat Jawi selama sehari, yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu khas, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Muhammad Alif bin Abdul Hafiz Din.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Program selaku wakil Head of School, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Saiful Rijal, Dayang Siti Umi Amirah binti Haji Ra'emi Maleek.

Beliau antara lain merakamkan penghargaan kepada dua orang pelajar IBTE School of Hospitality and Tourism yang terlibat untuk menjalankan bengkel berkenaan, iaitu Awangku Mohd. Dinie Azri bin Pengiran Mohd. Yusran; dan Awang Husme Nur'izzuddin bin Haji Layar.

"Adalah sangat diharapkan agar bengkel ini akan berjalan dengan lancar serta dapat memberi manfaat kepada para pelajar yang terlibat," katanya.

Seramai 54 peserta mengikuti Bengkel Seni Khat Jawi berkenaan yang terdiri daripada para pensyarah dan pelajar dari Politeknik Brunei dan IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

Pada sebelah petang, acara diteruskan dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta.

Penyampaian sijil disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Muhammad Faisal bin Haji Mat Salleh.

Antara objektif Bengkel Seni Khat Jawi berkenaan diadakan adalah untuk memberikan pengalaman, platform dan ilmu tentang seni khat Jawi kepada generasi muda dan memberikan peluang kepada pelajar Program Penempatan Kerja dari IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal yang membuat penempatan kerja di PSB menganjurkan bengkel, di samping mendedahkan mereka bagaimana melaksanakan projek berkenaan dengan kerjasama pegawai dan kakitangan PSB.



**KETUA Program selaku wakil Head of School, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Sultan Saiful Rijal, Dayang Siti Umi Amirah binti Haji Ra'emi Maleek menyampaikan ucapan alu-aluan.**



**ANTARA yang hadir pada Bengkel Seni Khat Jawi.**

# Pengundian, pemilihan calon Penghulu, Ketua Kampung Keriam

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Jumaat, 14 Oktober. - Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Keriam dan Ketua Kampung Keriam diadakan hari ini bertempat di Dewan Sekolah Rendah Keriam menggunakan dengan menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*).

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Rabu, 12 Oktober 2022 bagi jawatan Ketua Kampung Keriam dan pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK bagi jawatan Penghulu Mukim Keriam dibuka mulai hari ini sehingga Ahad, 16 Oktober 2022, jam 2.00 petang.

Tiga calon yang layak bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Keriam ialah Awang Haji Awang Aji bin Haji Hamdan berusia 59 tahun dan merupakan seorang pesara Guru; Awang Haji Joharry bin Haji Abd. Karim berumur 58 tahun dan pernah menjawat sebagai Penolong Pengarah Pengangkutan Darat sebelum bersara dan Awang Haji Muhammad Ayub bin Haji Suhaili berusia 52 tahun, pernah bertugas di Brunei Shell Liquefied Natural Gas (BLNG).

Dalam pada itu, calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Keriam ialah Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan berusia 53 tahun dan pada ketika ini bertugas sebagai Pegawai Penyelidik di Jabatan Muzium-Muzium serta memangku jawatan Ketua Kampung Keriam dalam masa yang sama.




Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Keriam ini adalah khusus bagi penduduk-penduduk Kampung Keriam, Kampung Luagan Dudok, Kampung Bukit Panggal dan sekitarnya selain daripada pengundian dan pemilihan bagi calon Ketua Kampung Keriam.

Seramai 230 penduduk Kampung Keriam daripada seramai 246 orang yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Keriam di mana 48 orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK, lima orang menggunakan tablet dan 177 orang menggunakan kertas undi (*ballot papers*).

Pengundian dan pemilihan bagi calon Ketua Kampung Keriam telah menyaksikan sebanyak 213 undi telah bersetuju. Manakala, 15 undi tidak bersetuju dan dua lagi dikategorikan sebagai undi rosak.




**SEKITAR Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Keriam dan Ketua Kampung Keriam (atas dan bawah kiri).**

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin; Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung di bawah Mukim Keriam beserta penduduk kampung.

Keputusan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Keriam akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Dalam pada itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Keriam akan diteruskan lagi pada Ahad, 16 Oktober 2022 dengan menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*) bagi penduduk-penduduk Kampung Sinaut, Kampung Sungai Kelugos, Kampung Kupang dan sekitarnya bertempat di Dewan Silaturahim, Pusat Latihan Penjara Maraburong bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

# Kawal kemarahan : Peroleh kebaikan, elak kerugian




**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Kita hidup di dunia ini tidak akan pernah terlepas dari menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada ujian berbentuk kesenangan ataupun ujian berbentuk kesusahan.

Adakalanya ujian dan dugaan yang diberikan itu membuat kita berasa gembira dan kadangkalanya pula ujian dan dugaan itu membuat kita berasa marah dan susah hati.

Sebagai umat Islam, dalam menghadapi ujian dan dugaan tersebut, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat sabar dan cuba sedaya upaya untuk mengawal kemarahan. Ini kerana marah itu adalah sifat yang sangat buruk dan dicela.

Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan sifat marah itu daripada api dan menjadikannya sebagai salah satu tabiat ataupun perangai bagi manusia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan dalam hadis Baginda bahawa orang yang dapat menahan diri daripada marah itu adalah orang yang kuat. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Bukanlah orang yang kuat itu dinilai dengan kekuatan dalam pergelutan, sesungguhnya orang yang kuat ialah orang yang dapat menguasai dirinya ketika marah*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Adapun antara punca yang menyebabkan sifat marah itu terjadi, antaranya :

**Pertama :** Sifat ujub, riyak dan takbur dalam diri seseorang yang merasakan bahawa dirinya itu lebih hebat daripada orang lain.

**Kedua :** Bertengkar atau berbelah kerana sesuatu perkara yang kadang-kadang punca adalah kecil dan remeh-temeh sahaja.

**Ketiga :** Berasa dizalimi, dikhianati, diperkecilkan dan seumpamanya.

**Keempat :** Bergurau yang melampaui had dan batasan. Bergurau yang pada awalnya dengan perkataan tetapi akhirnya membawa kepada memaki hamun, mencaci, mencela, memukul dan seumpamanya.

**Kelima :** Lidah yang tidak dikawal dengan baik sehingga mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan orang lain dan boleh menimbulkan kemarahan.

Tidak dinafikan bahawa dalam setiap diri manusia itu pasti ada sifat marah, namun kemarahan itu perlulah dikawal dan ada batasannya. Justeru, untuk mengelakkan dari terjadi sifat marah tersebut, kita hendaklah mengawal kemarahan dan sedia memaafkan kesalahan orang lain.

Seandainya ada orang yang membuat kita marah, janganlah kita berdendam dan bermusuhan, apatah lagi untuk memutuskan hubungan silaturahim. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Janganlah kalian saling marah, saling hasad dan saling membelakangi. Jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara. Dan tidak halal seorang Muslim menjauhi (mendiamkan) saudaranya lebih dari tiga malam*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam agama kita, marah itu secara amnya terbahagi kepada dua, iaitu marah yang dipuji dan marah yang dikeji.

Marah yang dipuji ialah marah yang diluahkan kerana membela kebenaran dan agama dan marah kerana menegah kemungkaran dan perkara-perkara haram.

Manakala marah yang dikeji itu pula adalah marah untuk mempertahankan perkara batil atau salah umpamanya mempertahankan nama, pangkat, bermegah-megah dengan ilmu pengetahuan dan bermegah-megah dengan harta. Hakikatnya, kebanyakan punca orang marah adalah kerana mempertahankan perkara-perkara tersebut.

Sesungguhnya penyakit marah yang dicela itu boleh dikawal dan dicegah dengan dua perkara iaitu ilmu dan amal. Adapun mengawal dan mencegah dan mencegah marah dengan ilmu itu ada enam cara :

**Pertama :** Dengan bertafakur memikirkan kisah-kisah teladan yang menyebut tentang buruk baiknya bersifat marah, berfikir tentang keutamaan menahan kemarahan, memberi maaf dan berlemah lembut.

**Kedua :** Sentiasa ingat kepada seksa Allah Subhanahu Wata'ala dan percaya bahawa kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas dirinya lebih besar dari kekuasaan dirinya ke atas orang lain.

**Ketiga :** Sentiasa mengingatkan dirinya bahawa marah akan mengakibatkan berlakunya permusuhan dan dendam.

**Keempat :** Berfikir tentang bentuk buruk dirinya ketika dia marah dan berfikir tentang betapa kejinya sifat marah itu.

**Kelima :** Dengan berfikir tentang sebab yang membawanya kepada kemarahan.

**Keenam :** Dengan menyedari bahawa kemarahannya adalah berpunca dari sikap membanggakan diri sendiri yang tidak sesuai dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara itu, mengawal dan mencegah dengan amal perbuatan pula ialah dengan membaca Ta'awuz :

**Ertinya :** "*Aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang direjam*".

Jika kemarahan itu tidak hilang dengan membaca yang demikian, maka hendaklah seseorang itu duduk jika dia marah dalam keadaan berdiri, dan berbaring jika dia marah dalam keadaan sedang duduk dan mendiamkan diri. Daripada Ibnu Abas Radiallahuanhuma, "*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : Ajarkanlah pada orang lain, permudahkanlah, jangan mempersulitkan masalah, apabila engkau marah, maka diamlah, bila engkau marah, maka diamlah, bila engkau marah, maka diamlah*". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Perasaan marah adalah sifat semula jadi manusia. Akan tetapi sebagai manusia yang dikurniakan akal dan juga fikiran, kita hendaklah sentiasa berusaha mengawal kemarahan tersebut agar tidak merosakkan diri dan maruah sendiri.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat sabar dan memperbanyakkan zikrullah agar hati kita menjadi tenang dan tabah.

Ingatlah, bahawa kita hidup di dunia ini dalam keadaan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Hubungan tersebut hendaklah diikat dengan mahabbah dan kasih sayang agar kita semua dapat hidup dengan harmoni, damai dan bersatu padu. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan limpahan rahmat dan kasih sayangnya kepada kita semua. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yag disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. (laitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan*". (Surah Ali-Imran, ayat 133-134)

# Murid berkeperluan khas terima sumbangan derma kaca mata





**PENOLONG Pengarah Syarikat Perfect Vision, Pengiran Hussain bin Pengiran Anak Haji Abd. Rahman hadir bagi penyampaian sumbangan derma kaca mata tersebut kepada Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar bagi menyempurnakan penyerahan sumbangan derma tersebut kepada 82 murid berkeperluan khas, di seluruh negara (kiri dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 Oktober. - Jabatan Pengajian Islam (JPI) melalui Unit Pendidikan Khas Ugama, Bahagian Sekolah Ugama mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kaca Mata dari Syarikat Perfect Vision Kepada Murid-Murid Berkeperluan Khas Ugama yang mengalami masalah penglihatan sempena 'Hari Penglihatan Sedunia 2022' yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Kampung Burong Pingai Berakas, hari ini.

Hadir bagi penyampaian sumbangan derma kaca mata tersebut, Penolong Pengarah Syarikat Perfect Vision, Pengiran Hussain bin Pengiran Anak Haji Abd. Rahman kepada Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar bagi menyempurnakan penyerahan sumbangan derma tersebut kepada 82 murid berkeperluan khas di seluruh negara.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah seterusnya ucapan dari Ketua Perakaunan Syarikat Perfect Vision, Awang Faithul Islam bin Abu Bakar.

Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kaca Mata disampaikan oleh Penolong Pengarah Syarikat Perfect Vision dan Pengarah Pengajian Islam kepada pelajar berkeperluan khas diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Abdul Razak bin Haji Mohd. Daud.

Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi menghargai sumbangan derma kaca mata dari Syarikat Perfect Vision kepada murid-murid berkeperluan khas ugama seluruh negara yang memerlukan kaca mata di samping, dapat membentuk sikap positif dan pemedulian masyarakat khasnya Syarikat Perfect Vision terhadap masalah murid berkeperluan khas ugama mendapatkan kaca mata yang sesuai dan dapat menjalankan aktiviti seharian dengan selesa.

Selain itu juga, ia diharap dapat memupuk kesedaran akan kepentingan kesihatan mata sebagai organ sensori yang paling penting.

Bagi menghargai sumbangan derma kaca mata tersebut, sijil penghargaan turut disampaikan oleh Pengarah Pengajian Islam sebagai sokongan atas usaha dan sumbangan daripada Syarikat Perfect Vision dan secara tidak langsung pihak JPI juga turut serta sama-sama meraikan Sambutan Hari Penglihatan Sedunia 2022 (World Sight Day) yang disambut 13 Oktober 2022 dengan tema 'Cintai Mata Anda' atau 'Love Your Eyes'.

Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

# KAWAL KEMARAHAN: PEROLEHI KEBAIKAN, ELAK KERUGIAN

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 18 RABIULAWAL 1444H / 14 OKTOBER 2022M

ALLAH MENCIPTAKAN SIFAT MARAH ITU SEBAGAI TABIAT ATAU PERANGAI BAGI MANUSIA

**MARAH ITU TERBAHAGI KEPADA DUA:**

1) MARAH YANG DIPUJI
2) MARAH YANG DIKEJI

**PENYAKIT MARAH YANG DICELA ITU BOLEH DIKAWAL DENGAN DUA PERKARA IAITU:**

## Mencegah Marah Dengan Amal Perbuatan:

DENGAN MEMBACA TA'AWUZ

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

Ertinya: "Aku berlindung kepada Allah daripada Syaitan yang direjam"



Jika kemarahan itu tidak hilang dengan membaca yang demikian, maka hendaklah seseorang itu duduk, jika dia marah dalam keadaan berdiri

Dan berbaring jika dia marah dalam keadaan sedang duduk dan mendiamkan diri

## Mencegah Marah Dengan Ilmu:

- BERTAFAKUR MEMIKIRKAN KISAH-KISAH TELADAN
- MENGINGATKAN DIRI BAHAWA MARAH AKAN MENGAKIBATKAN BERLAKUNYA PERMUSUHAN
- BERFIKIR TENTANG SEBAB YANG MEMBAWANYA KEPADA KEMARAHAN
- SENTIASA INGAT KEPADA SIKSA ALLAH SWT
- BERFIKIR TENTANG BETAPA KEJINYA SIFAT MARAH
- MENYEDARI BAHAWA KEMARAHAN ADALAH BERPUNCA DARI SIKAP MEMBANGGAKAN DIRI

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سݢل جنيس ڤپاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء )

### (1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

### (2)

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمْ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

### (3)

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

### (4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

### (5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# BSP, UBD ADAKAN FORUM TENAGA PETROLEUM 2022

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUNGKU LINK**, Rabu, 12 Oktober. - Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Forum Tenaga Petroleum 2022 (Petroleum Energy Forum - PEF 2022) bagi para pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini dengan tujuan untuk melengkapkan dan mempertingkatkan pengetahuan dalam apa yang dipelajari berkaitan dengan tenaga minyak.

Sejak penubuhannya pertama kali pada tahun 2018, tujuan utama forum berkenaan adalah untuk mendedahkan kepada para pelajar mengenai kajian teknikal dan teknologi maju yang digunakan dalam disiplin kejuruteraan petroleum dan geosains di BSP yang dapat menyumbang secara langsung kepada penerokaan selamat dan penghasilan hidrokarbon di Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran PEF berkenaan, Pemangku Naib Canselor UBD, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra.

Pemangku Naib Canselor UBD dalam ucapannya menjelaskan, tema PEF 2022 iaitu 'Fuelling the Mind for Future Talents' adalah relevan kepada sektor tenaga di negara ini untuk berkembang maju dalam landskap tenaga yang berubah-ubah.

"Kami berharap forum ini akan menjadi saluran penting untuk kerjasama, membangunkan rangkaian, dan pertukaran pelajar dan kakitangan antara UBD, BSP dan institusi yang lain," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurutera Petroleum, BSP, Gert-Jan Mohammed Ziad Reijnders dalam ucapannya pula menjelaskan bahawa kerjasama erat antara BSP dan universiti serta politeknik dapat mewujudkan peluang kepada para pelajar untuk menjalin rangkaian untuk masa depan, menjadikannya bukti masa depan kerana dapat mengenal pasti jurang mana yang perlu ditutup.

Pada PEF 2022 kali ini, forum persidangan menampilkan tiga ucaptama, enam pembentangan plenari, dua bengkel interaktif dan 15 pameran interaktif, termasuk demonstrasi peralatan.

Antara topik yang diliputi semasa forum berkenaan termasuk kajian singkapan, menambah baik pemulihan minyak, *artificial lift*, geokimia, *abandonment*, pendigitalan, pengurusan data, penangkapan dan penyimpanan karbon serta trend penyelidikan dalam bidang berkenaan.



**PEMANGKU Naib Canselor UBD, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra dalam ucapannya.**



**SEBAHAGIAN daripada pameran teknologi kejuruteraan yang ditampilkan sempena Forum Tenaga Petroleum 2022.**

# Dukung karya sastera penulis muda



**PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab menyampaikan sijil dan cenderamata kepada peserta.**

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS**, Rabu, 12 Oktober. - Program Penulis Muda 2022 (Bengkel Penulisan Sajak) yang dibimbing oleh Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad selama tiga hari melabuhkan tirainya dengan Majlis Penutupan, yang diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Bengkel Penulisan Sajak merupakan pusingan kedua bagi genre sajak yang sebelumnya diadakan, pada tahun 2021.

Seramai 28 penyertaan, terdiri daripada peserta dari sekolah menengah, pra universiti, Institusi Pengajian Tinggi, Pegawai serta Kakitangan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyertai bengkel tersebut.

Pengisian bengkel lebih kepada proses-proses kreatif penciptaan sesebuah puisi, merangkumi aspek bahasa, teknik penulisan, sumber / ilham dan sebagainya.

Program sebegini adalah sebagai usaha DBP mengedepankan seni penulisan kreatif penulis muda yang secara langsung menyokong penulis muda menghasilkan karya sastera yang bermutu dan berkualiti sesuai dengan kemajuan teknologi.

Hadir pada majlis penutup program tersebut, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku tetamu khas.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin selaku Pengerusi dan Pengasas Program Penulis Muda; Ketua-ketua Bahagian dan para Pegawai serta Kakitangan DBP.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Memohon Terhindar Daripada Wabak COVID-19, yang kemudiannya diikuti dengan ucapan daripada pembimbing bengkel, seterusnya ucapan daripada wakil peserta.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Deklamasi Sajak yang dipersembahkan oleh dua orang peserta bengkel, Awang Ahmad Danieel bin Abdul Haniff dan Dayang Masnunah binti Haji Bakar.

Sajak-sajak yang dibacakan merupakan nukilan mereka sendiri, yang dihasilkan semasa bengkel berkenaan.

Majlis Penyampaian Sijil dan Cenderamata kepada pembimbing dan para peserta disempurnakan oleh Pemangku Pengarah DBP.

# Keputusan Tawaran Tertutup TPK akan diumumkan 15 Oktober

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 Oktober. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa Keputusan Tawaran Tertutup Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) bagi siri BBC 3001 - BBC 6000 akan diumumkan melalui Laman Sesawang JPD, di *www. jpd.gov.bn* dan *www.nomborku.gov.bn*, pada Sabtu, 15 Oktober 2022.

Sukacita dimaklumkan semua penender yang mengikuti Tawaran Tertutup TPK, sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran tersebut melalui e-mel yang didaftarkan ke jabatan ini.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat pendaftaran kenderaan, iaitu menjelaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK di atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan.

Pembayaran bolehlah dibuat secara dalam talian menggunakan kad pembayaran (debit / kredit) atau melalui mana-mana Cawangan JPD, di semua daerah.

Jika penender gagal untuk melunaskan pembayaran dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan, tawaran TPK penender adalah dibatalkan.

Permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Tawaran Berjaya dikeluarkan.

Jumlah bayaran bagi melanjutkan tempoh mendaftar (*holding fee*) TPK adalah sebanyak BND60.00 bagi tempoh tiga tahun.

Penender yang membuat pembayaran TPK akan menerima e-mel mengenai pelanjutan tempoh pendaftaran TPK, di mana pembayaran mengenainya boleh dilakukan secara dalam talian atau sebaliknya melalui Cawangan Ibu Pejabat JPD, Gadong dan Cawangan JPD Daerah Belait.

Selepas tempoh tiga tahun, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, bolehlah mengulangi pembayaran penahanan TPK (*holding fee*) sebanyak BND60 bagi melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bagi tempoh tiga tahun lagi hingga TPK berkenaan didaftarkan.

Serah TPK hanya boleh dilaksanakan selepas 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan dan dikenakan bayaran perkhidmatan BND5.00 sahaja dan Penender yang gagal untuk membayar harga tawaran TPK yang ditawarkan akan disenaraihitamkan dari menyertai tawaran tertutup bagi tempoh satu tahun dan TPK berkenaan akan ditawarkan semula.

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada penender-penender yang berjaya, seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp, +673 7181641 atau melalui e-mel ke *info_ltd@jpd.gov.bn*.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang, *www.jpd.gov.bn* dan Instagram, *@jpd.bn*.

# 26 ORANG TERIMA SUMBANGAN KACA MATA




**ANTARA ahli dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang menerima sumbangan berupa kaca mata preskripsi daripada Focus Point dan Whoosh Eyewear sempena Hari Penglihatan Sedunia (WSD) 2022.**

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**SALAMBIGAR**, Jumaat, 14 Oktober. - Seramai 26 ahli dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menerima sumbangan berupa kaca mata preskripsi daripada Focus Point dan Whoosh Eyewear sempena Hari Penglihatan Sedunia (WSD) 2022.

Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh pemilik francais Focus Point di Negara Brunei Darussalam, Madam Gina Tan. Majlis berlangsung di Aras 1, Kompleks Membeli-Belah One City, Salambigar.

WSD merupakan hari kesedaran antarabangsa khusus untuk menumpukan perhatian kepada isu global kesihatan mata yang disambut setiap minggu kedua pada bulan Oktober.

Pada tahun ini WSD jatuh pada 13 Oktober dengan membawakan tema 'Love Your Eyes, Embrace Your Future'.

Berdasarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sekurangnya satu bilion orang di seluruh dunia menderita daripada rabun jauh atau rabun dekat, yang dapat dicegah atau tidak ditangani.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Am Focus Point, Dasmond Tham yang antara lain mengongsikan, acara tersebut merupakan inisiatif utama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat berkenaan dalam mengambil tindakan dan meningkatkan kesedaran serta menyokong usaha menentang buta yang dapat dihindari (*avoidable blindness*).

"Tahun ini kami bekerjasama rapat dengan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, dengan memberikan pemeriksaan mata yang komprehensif dan telah mengenal pasti 26 peserta yang perlu diperbetulkan penglihatan mereka," katanya. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Turut hadir, wakil dari Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dayang Wadiah dan juga ibu bapa serta penjaga penerima sumbangan.

Sempena WSD 2022, Focus Point juga mengalu-alukan orang ramai untuk menjalankan pemeriksaan mata komprehensif secara percuma bermula 13 Oktober hingga Ahad, 16 Oktober ini.

## Sebuah syarikat perniagaan dikenakan denda kompaun



**OPERASI pemantauan harian bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran premis bangunan perniagaan agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang disediakan.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait**

**BELAIT**, Khamis, 13 Oktober. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait (JDB) mengadakan pemantauan harian di beberapa kawasan di bawah kawalan JDB.

Semasa operasi pemantauan berkenaan, Unit Penguatkuasaan telah pun berjaya mengeluarkan satu denda kompaun ke atas sebuah syarikat perniagaan berjumlah BND500 kerana telah menyalahi di bawah Miscellanous Offences Act, Bab 12 (1) (d), iaitu mengugur, menumpah atau menghamburkan sebarang habuk, pasir, tanah liat, tanah gambur, batu kerikir, rumput, jerambi, tatal, habuk kayu, abu, kotoran kebun, kotoran bangsal, kotoran perniagaan, baja, sampah atau apa juga barang dan bahan lain di sebarang tempat awam, sama ada dari sesebuah kenderaan yang bergerak atau tidak atau dalam apa juga cara lain.

Syarikat terbabit diberikan tempoh selama satu minggu untuk menjelaskan denda kompaun berkenaan dan jika gagal menjelaskan pembayaran, syarikat berkenaan boleh didakwa ke mahkamah, dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Operasi pemantauan harian berkenaan bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran premis bangunan perniagaan agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang telah disediakan.

Unit Penguatkuasaan, JDB, sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu ataupun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam sekitar dengan membuang bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Sebarang aduan, bolehlah menghubungi melalui talian +673 3334335 sambungan 1404 atau 1153 (Unit Penguatkuasaan).

## Melestarikan, membudayakan bacaan selawat




**ANTARA yang menyertai Majlis Selawat Subuh Jumaat, salah satu perisian aktiviti di dalam Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi, yang diungkayahkan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 14 Oktober. - Majlis Selawat Subuh Jumaat adalah salah satu perisian aktiviti di dalam Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi, yang diungkayahkan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT).

Sehubungan itu, awal pagi tadi diadakan majlis tersebut yang dikendalikan secara maya melalui aplikasi Zoom, yang menarik perhatian lebih daripada 100 pengunjung maya menyertai majlis berkenaan.

Acara terdahulu dimulai dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Ketua Biro Keagamaan KKBT, Awang Adi Hamdi bin Haji Aminuddin.

Seterusnya bacaan ayat suci Al-Quran Surah Al-Kahfi, ayat (1 - 10) ayat di awal surah, Surah Al-Kahfi (101 - 110) ayat di akhir surah serta Selawat Ibrahimiyah, dipimpin oleh Awang Ahmad Izzat Mu'inuddin bin Haji Masli wakil dari Kumpulan Belia Firqah Al-Husni.

Para jemaah kemudiannya dipimpin dengan bacaan Selawat Jibril sebanyak 100 kali dan setelah itu Selawat Nuril Mubin sebanyak 50 kali, yang dibimbing oleh Awang Muhammad Ruzaini bin Rosli dari Kumpulan Belia Al-Huffaz Leaders.

Sejurus itu, diikuti dengan bacaan Doa Terhindar Dari Fitnah Ad-Dajjal dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Brunei Darussalam serta doa menghindar diri daripada segala jenis penyakit dan COVID-19 secara berkumpulan, dikepalai oleh Awang Adi Hamdi.

Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi bagi tahun ini mengandungi beberapa aktiviti yang dilaksanakan secara maya dan fizikal.

Pelaksanaan aktiviti yang diungkayahkan oleh KKBT ini juga turut dijayakan bersama Al-Busyra Enterprise, Belia Masjid Syababussalam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan Kumpulan Firqah Al-Husni.

Turut menyertai Majlis Selawat Subuh Jumaat tersebut, Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pengarah SEAMEO VOCTECH Regional Centre, Awang Alias bin Haji Abu Bakar; Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly; serta para pemimpin dari organisasi belia, kampung dan mukim, termasuklah juga Jemaah dari negara jiran Malaysia, Sabah.

Sementara itu, mengemas kini jumlah selawat dalam aktiviti Lakastah Berselawat yang disertai oleh Ahli-ahli Group WhatsApp Komuniti Berselawat Brunei mengumpulkan lebih empat juta kali selawat, di mana aktiviti ini adalah salah satu usaha untuk melestarikan dan membudayakan bacaan selawat, dalam keseharian dalam kalangan masyarakat Islam, di negara ini.

Program Brunei Darussalam Berselawat akan diteruskan lagi dengan Majlis Selawat dan Doa Munajat, pada Isnin, 17 Oktober 2022, jam 8.15 malam secara maya melalui aplikasi Zoom.

Manakala, Majlis Selawat Perdana pula akan diadakan pada Jumaat, 21 Oktober 2022, di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, jam 6.00 petang.

Untuk sebarang keterangan lanjut dan kemas kini mengenai program, bolehlah terus menghubungi setiausaha program menerusi talian, +673 726 2357 atau melalui media sosial Instagram, *@kkbt_birokeagamaan*.

# KEDUDUKAN UBD MENINGKAT KEPADA KUMPULAN 301 - 350

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus meningkatkan kedudukannya dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings kepada kumpulan 301 - 350.

Ini adalah kedudukan tertinggi UBD setakat ini berbanding ketika ia mula-mula memasuki kedudukan THE pada tahun 2019.

UBD juga turut mengukuhkan kedudukannya sebagai salah sebuah universiti ASEAN terbaik, menduduki tempat ke-3 di rantau ini selepas Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan bagi sebuah universiti yang baharu apabila terus meningkat naik meskipun adanya penambahan 137 buah institusi yang baharu disenaraikan oleh THE pada tahun ini.

UBD tetap memastikan ia akan terus mendahului persaingan yang kuat dengan keupayaannya yang semakin meningkat dalam pengajaran dan penyelidikan.

Daripada lima tunggak yang digunakan oleh THE, UBD telah menunjukkan peningkatan dalam pengajaran, penyelidikan dan pendapatan industri berbanding pada tahun sebelumnya.

Tinjauan antarabangsa ialah tonggak kedudukan tertinggi, meletakkan UBD pada kedudukan ke-163 di dunia.

Untuk Tinjauan Antarabangsa dan Petikan (International Outlook and Citations), UBD telah mengatasi 75 peratus daripada 1,799 buah institusi yang disenaraikan oleh THE.

Ini terus mengukuhkan status universiti sebagai institusi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan.

Selain itu, UBD juga disenaraikan di seluruh dunia dalam disiplin khusus pada tahun lepas, iaitu, 201 - 250 untuk kedua-dua Kejuruteraan & Teknologi dan Sains Sosial; dan 401 - 500 dalam Sains Fizikal.

Field-Weighted Citation Impact (FWCI) terkini universiti ialah 1.43, tertinggi sejak tahun 2019. Ini menunjukkan bahawa penerbitan UBD pada masa ini mempunyai 43 peratus lebih impak daripada purata global.

Peningkatan dalam Petikan berkenaan menunjukkan kredibiliti penyelidik UBD serta kepentingan dan jangkauan pengajian mereka di seluruh dunia.

Kenaikan kedudukan UBD mencerminkan usaha berterusan universiti untuk menambah baik pengajaran dan penyelidikannya, menghasilkan graduan kalis masa depan yang relevan dengan industri dan ahli akademik yang memberi impak ketara dalam bidang penyelidikan dan pengajaran masing-masing.

Bagi memudahkan sumbangan penyelidikan berimpak tinggi, UBD menyediakan peluang membina kapasiti dalam dan luar negara.

Kerjasama erat dengan pakar daripada institusi terkenal antarabangsa, kerajaan, sektor swasta, pelbagai industri dan agensi telah menghasilkan mobiliti pelajar dan kakitangan yang aktif, pemindahan teknologi yang mantap, pengembangan rangkaian penyelidikan dan pendidikan profesional serta perkongsian sinergi dengan kolaborator di seluruh dunia.

Usaha berkenaan termasuk Collaborative Online International Learning (COIL) dengan universiti rakan kongsi antarabangsa.

Perkongsian UBD dengan Virginia Tech (VT) di Amerika Syarikat selama ini merupakan usaha yang sangat menarik kerana penyelidik daripada kedua-dua belah pihak telah memanfaatkan sumber biodiversiti Negara Brunei Darussalam (NBD) yang kaya dalam mendorong kejuruteraan bioinspirasi maju dan teknologi digital.

Makmal Sains dan Teknologi Bioinspirasi UBD-VT yang telah dilancarkan baru-baru ini merupakan contoh terbaik bagaimana kerjasama antarabangsa membawa UBD ke hadapan dalam inovasi.

Diperkasakan oleh hubungan dan kepakaran bertaraf dunia, UBD berada dalam kedudukan untuk melengkapkan inisiatif ekonomi digital negara dan memelihara biodiversiti melalui penggunaan kejuruteraan dan teknologi baharu.

Contoh projek pelbagai disiplin ialah penggabungan pembelajaran mesin dalam penjagaan kesihatan untuk menangani isu yang berkaitan dengan kualiti hidup orang dewasa dan warga emas.

Aktiviti penyelidikan berkenaan dan banyak lagi adalah selaras dengan Pelan Strategik 2025 universiti iaitu 'Perkaitan Nasional, Impak Global' dalam pengajaran dan penyelidikan di UBD menyokong keperluan negara dengan melahirkan ahli akademik yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman sebagai sumber yang tidak ternilai untuk pembangunan negara dan kepelbagaian ekonomi.

Dalam menghadapi cabaran dunia yang serba pantas, adalah amat penting bagi UBD mengambil langkah yang perlu untuk menyediakan tawaran akademik yang terkini.

UBD baru-baru ini telah melancarkan program ijazah selama 3 tahun dengan kerjasama Coursera.

Sarjana Muda Sains Digital dalam Kecerdasan Buatan Gunaan akan menyaksikan pelajar menjalani latihan kemahiran profesional digital dan pensijilan yang ditawarkan oleh Google, IBM, dan sebagainya melalui platform Coursera.

Selain itu, platform pembelajaran digital menyediakan *dashboard* untuk menjejaki kemahiran yang dicapai oleh pelajar berbanding set kemahiran yang diperlukan oleh majikan dalam industri Sains Digital.

Ini adalah selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei Darussalam 2025, yang menggariskan strategi untuk mengubah NBD menjadi sebuah negara pintar.

Sebanyak 17 projek sedang dilaksanakan di bawah bidang logistik dan pengangkutan, tenaga, perkhidmatan perniagaan, pelancongan, perkhidmatan kewangan, kesihatan digital, makanan pertanian, pendidikan, dan pensijilan halal.

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle berada di New York untuk menghadiri Sidang Kemuncak Akademik Dunia 2022 dan Kedudukan Universiti Dunia yang diumumkan secara langsung pada 12 Oktober 2022.

Sebagai sebahagian daripada sidang kemuncak berkenaan, Dr. Hazri juga turut menghadiri Kolokium Menteri yang menawarkan peluang untuk dialog antarabangsa terbuka dan rakan sebaya mengenai strategi pendidikan tinggi dan penyelidikan negara yang berkesan.

Sidang Kemuncak Akademik Dunia 2022 memfokuskan kepada tema trajektori untuk mengkaji peranan pemimpin institut pendidikan tinggi dan penggubal dasar dalam mengenal pasti, menyesuaikan diri dan memenuhi jangkaan yang semakin meningkat untuk kemajuan.

Sebagai tambahan kepada pandangan pertama, iaitu World University Ranking (WUR) 3.0, lelaran THE World University Rankings yang seterusnya dan sidang kemuncak berkenaan akan meneroka peluang dan kerjasama baharu dengan universiti teratas AS dengan tujuan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.

"Alhamdulillah, UBD terus mengekalkan kedudukan kukuh dalam THE World University Rankings, setanding dengan banyak institusi antarabangsa yang terkenal.

"Pencapaian ini merupakan kejayaan daripada kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Canselor UBD, sokongan berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerja keras dan dedikasi yang konsisten semua kakitangan dan pelajar UBD," kata Dr. Hazri.

Di samping melahirkan graduan berkualiti tinggi katanya lagi, peningkatan jumlah penyelidikan berimpak tinggi yang dijalankan di dalam dan luar universiti telah menunjukkan bakat dan keupayaan penyelidik tempatan serta antarabangsa bagi kepentingan kerjasama strategik.

"Saya berharap ini akan terus memotivasikan kita semua untuk berusaha ke arah masa depan yang lebih cerah untuk UBD dan NBD," ujarnya lagi.



UNIVERSITI Brunei Darussalam terus meningkatkan kedudukannya dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings kepada kumpulan 301 - 350.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. **'Cintai dan Hargai Kehijauan Hutan'.** Tarikh Tutup : **19 Oktober 2022**
2. **'Lazimi Zikir Dalam Kehidupan Seharian'.** Tarikh Tutup : **26 Oktober 2022**
3. **'Kesihatan Mental Harus Diberi Perhatian'.** Tarikh Tutup : **2 November 2022**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan.**
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

**MAKLUMAT LANJUT** MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



## PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn | Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | PSC.BN

| | Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan | Jabatan dan Kementerian | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | IMAM TINGKAT III C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/OCT/01 | JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA | 01 | 7(A) LUAR BIDANG KUASA | 19 OKTOBER 2022 |
| 2. | PEGAWAI PROTOKOL / KONSULAR B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/02 | KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI | 01 | 7(A) GAJI HARI | 19 OKTOBER 2022 |
| 3. | PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/03 | KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI | 02 | 7(A) GAJI HARI | 19 OKTOBER 2022 |
| 4. | SETIASUAHA KEDUA B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2022/OCT/04 | KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI | 02 | 7(A) GAJI HARI | 19 OKTOBER 2022 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
12 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Perkhidmatan Dobi

<u>Tarikh Tutup Sebut Harga :</u>
Khamis,
20 Oktober 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

---

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
(79) INFO / PK / K / 7
(2022 - 2023)

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
MENCETAK BUKU PELAN STRATEGIK JABATAN PENERANGAN

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
(80) INFO / PK / K / 7
(2022 - 2023)

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
MENCETAK KALENDAR DINDING DAN KALENDAR MEJA JABATAN PENERANGAN 2023

<u>Yuran Sebut Harga :</u>
Tidak dikenakan bayaran

<u>Tarikh Tutup :</u>
Rabu,
26 Oktober 2022,
Jam 11.00 Pagi

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
RTB / K / 116 / 22 - 23

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
PENERBITAN RANCANGAN SUKMAINDERA GENRE : MAJALAH - TRAVEL LOG

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
RTB / K / 117 / 22 - 23

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
PENERBITAN RANCANGAN SUKMAINDERA, UNIKNYA BRUNEIKU SIRI KE 2

<u>Yuran Sebut Harga :</u>
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

<u>Salinan Kertas (*Hardcopy*) :</u>
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

<u>Tarikh Tutup :</u>
Rabu, 19 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

1. UNISSA / SB0036 / 2022 / 2023 -
TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND MAINTENANCE OF COMPUTER DESKTOP FOR CENTRE OF RESEARCH AND PUBLICATION, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

2. UNISSA / SB0037 / 2022 / 2023 -
TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND MAINTENANCE OF HIGH-END MULTIMEDIA DESKTOP PC FOR TECHNOLOGY AND MULTIMEDIA CENTRE, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

<u>Tarikh Tutup Tawaran :</u>
Rabu,
26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
11 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan Dan Perkhidmatan Menjahit Baju Kurung Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

<u>Tarikh Tutup Sebut Harga :</u>
Khamis,
20 Oktober 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
13 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Perkhidmatan Gunting Rambut

<u>Tarikh Tutup Sebut Harga :</u>
Khamis,
20 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
15 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
Perkhidmatan Penyewaan Perhubungan (Walkie Talkie) Bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

Pengambilan Ke-11

<u>Tarikh Tutup Sebut Harga :</u>
Khamis, 20 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Notis Sebut Harga

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
4 / OKTOBER / 2022 / PSB / PD.575

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
The Supply, Delivery And Installation Of Automatic Dehumidifier At Repository Room Brunei History Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports

<u>Tarikh Tutup Sebut Harga :</u>
Isnin, 31 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

<u>Kenyataan Sebut Harga</u>

<u>Bilangan Sebut Harga :</u>
10 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

<u>Tajuk Sebut Harga :</u>
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan Dan Perkhidmatan Menjahit Baju Cara Melayu Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

<u>Tarikh Tutup Sebut Harga :</u>
Khamis, 20 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TAWARAN BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN KE ATAS BANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB, KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH PERKHIDMATAN DUA (2) TAHUN

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 76 / 2022 / 2023
(AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 77 / 2022 / 2023
(AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Sukan, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 78 / 2022 / 2023
(AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 79 / 2022 / 2023
(AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 80 / 2022 / 2023
(AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 November 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 009 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
Re-Tender:
Tawaran Perkhidmatan Kantin Di Kolej Kediaman Siswa, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen)
BND55.00 [Tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 010 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court' Di Bangunan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen)
BND15.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 25 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
006 / HQ / 2022-M (LELONG)
2 Buah Kapal Menangkap Ikan di Jeti, Ibu Pejabat Polis Marin, Muara

Keterangan Harta Benda :

ON332238 (ONE UNITED 6)
Ukuran : 24.60 Meter Panjang
Lebar 6.66 Meter
Kedalaman 4.00 Meter
Harga Indikasi : BND5,000.00
Jumlah : 1

ON332263 (ONE UNITED 20)
Ukuran : 21.40 Meter Panjang
Lebar 5.03 Meter
Kedalaman 2.60 Meter
Harga Indikasi : BND4,000.00
Jumlah : 1

Caj Borang :
BND5.00

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
007 / HQ / 2022-M (LELONG)
Sebuah Bot Fiberglass Panjang 4.06M Berserta Enjin 15HP Di Ibu Pejabat Polis Marin, Muara

Keterangan Harta Benda :

Bot Fiberglass
Ukuran Bot : 4.06 Meter Panjang
Lebar 1.24 Meter
Dalam 0.59 Meter
Harga Indikasi : BND500.00
Jumlah : 1

Engine Outboard 15HP
1165782
Model 15FMH
Harga Indikasi : BND1,200.00
Jumlah : 1

Caj Borang :
BND2.00

Tarikh Tutup :
Isnin, 24 Oktober 2022,
Jam 10.00 Pagi

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
28 / MAC / KKBS / BKBN / 1.41 / 22 (R)

Tajuk Tawaran :
Kontrak Bagi Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan Dan Penyajian Makan / Minum Bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 18 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

NOTIS SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 121 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PROPOSED ROOF INSTALLATION AND BUILDING REPAIRS AT BUKIT SUBOK TRANSMITTER STATION, RADIO TELEVISION BRUNEI

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (*Hardcopy*) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
19 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 149 / 2022

Tajuk Tawaran :
TERM CONTRACT FOR ELECTRICAL MAINTENANCE WORKS AND EMERGENCY WORKS FOR JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA (LAMA) FOR A PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

**HOSPITAL SURI SERI BEGAWAN KEMENTERIAN KESIHATAN**

IKLAN TAWARAN SECARA AM

JUALAN LELONG

Bilangan Tawaran :
01 / KPE / SSBH / 2022

Bagi

1 Unit Computed Tomography (CT) Scan Machine, Brilliance 16 CT

Pada :
Rabu,
5 Oktober 2022 hingga
Rabu,
19 Oktober 2022
(Sehingga jam 11.00 Pagi)

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Bagi Tahun Kewangan 2022 / 2023

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 169 / 2022 / 2023
[HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Project And Programme Management (MEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 170 / 2022 / 2023
[HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Strategic Organizational Development And Transformation (SEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 171 / 2022 / 2023
[HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Project Management (SEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 172 / 2022 / 2023
[HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Risk Management (SEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu,
22 Oktober 2022

جابتن کاجي چواچ برونی دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

**JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
JKBD / 2020 / SH-25 (R)

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan : Refurbishment Of Weather Observation Station Building At Brunei International Airport

Tarikh Tutup :
Rabu,
2 November 2022,
Jam 9.00 Pagi

**JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
DOE / IT.2.2.6 / 3

Tajuk Tawaran :
DOE DASHBOARD

Information Day :
Khamis,
27 Oktober 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
8 November 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
17 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 22

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Perkhidmatan Perlindungan Insurans Bagi Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
20 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
66 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2022

Tajuk Sebut Harga :
FORTIGATE-1101E LICENSE RENEWAL FOR MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 45 / 2022

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA BAGI PEMBEKALAN VENDING MACHINE SELAMA 36 BULAN

Bilangan Tawaran :
Q.JDT / 46 / 2022

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN GERAI PASAR MALAM SERI KENANGAN MUSIM KE-9 BAGI JABATAN DAERAH TUTONG

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat pada
Isnin,
17 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
2 / OKTOBER / KKBS / BKBN / 1.41 / 22

Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN SERTA PENGHANTARAN PELBAGAI PAKAIAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-11

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

**JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDB / BMP / 5.1 / C

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI RUANG KEDAI NO. 2, DEWAN KEMASYARAKATAN KAMPUNG PANDAN, KUALA BELAIT.

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
9 November 2022

# SIJIL HALAL : LEBIH 30 PREMIS MAKANAN DIKELUARKAN NOTIS



**OPERASI rondaan besar-besaran diadakan di kawasan Menglait, Bandar Seri Begawan dan sekitarnya, yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Satu operasi rondaan besar-besaran diadakan di kawasan Menglait, Bandar Seri Begawan dan sekitarnya, yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.

Rondaan ini bertujuan bagi menguatkuasakan peruntukan Bab 4 (1) dan Bab 10 (1) (a), Perintah Sijil Halal Dan Label Halal (Pindaan), 2017 mengenai kewajipan memohon Sijil Halal atau Permit Halal Majlis Ugama Islam Brunei yang dikenakan ke atas pengusaha-pengusaha makanan, di negara ini.

Operasi rondaan ini dijalankan di seluruh negara secara berperingkat, di mana rondaan kali ini merupakan operasi kali keenam menumpukan pada restoran-restoran, kedai-kedai makan dan premis pembuatan produk makanan, di Kawasan Menglait Gadong.

Operasi rondaan sebelum ini diadakan di beberapa zon di Daerah Brunei dan Muara, iaitu di kawasan Batu Satu, Pusat Bandar, Kiulap, Gadong dan Batu Bersurat.

Hasil operasi tersebut memeriksa sebanyak 83 buah premis makanan serta mendapati 37 buah (44.6 peratus) premis makanan yang belum membuat permohonan Sijil Halal dan dikeluarkan notis untuk menghadapkan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan mengenainya.

Dalam operasi ini juga, beberapa buah premis didapati melakukan kesalahan lain, iaitu enam buah premis menggunakan label atau logo Halal Majlis Ugama Islam tanpa kebenaran dan dua buah premis mempamerkan Sijil Halal yang telah mansuh.

Premis-premis tersebut dikeluarkan notis dan diarahkan menurunkan serta merta Sijil Halal yang telah mansuh serta Label Halal yang tidak lagi sah.

Kegagalan mematuhi boleh diambil tindakan undang-undang, di bawah Bab 12 (3) (a) dan Bab 35, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang masing-masing melibatkan hukuman denda sehingga BND4,000 dan BND8,000 atau penjara sehingga 1 tahun dan 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Adalah ditegaskan, bahawa permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal atau Permit Halal bagi perniagaan makanan yang beroperasi di negara ini adalah mandatori.

Oleh itu, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin menyeru kepada semua pengusaha makanan di negara ini yang belum mempunyai Sijil Halal atau Permit Halal untuk menghadapkan permohonan dengan segera.

Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan diambil tindakan undang-undang di bawah Bab 4 (5) dan Bab 10 (6), Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2017 dengan hukuman denda hingga BND8,000 atau penjara hingga 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi pemegang Sijil Halal dan Permit Halal adalah diingatkan supaya sentiasa memastikan Sijil Halal dan Permit Halal masih sah dan hendaklah menghadapkan permohonan untuk pembaharuan sijil dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh mansuh.

Bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, Pegawai - pegawai Penguatkuasaan BKMH, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah sentiasa menjalankan operasi pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan tiada pelanggaran dibuat terhadap peruntukan undang-undang, kehendak dan syarat pensijilan Halal yang berkuat kuasa di negara ini.




# Padah miliki minuman keras

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**BELAIT**, Khamis, 13 Oktober. - Seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman denda sejumlah BND8,100 atau lapan bulan penjara, jika gagal membayar denda di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.

Teng Chai Heng, berusia 59 tahun, mengaku bersalah dan mahkamah juga memberikan tempoh hingga 30 Mac 2023 untuk melunaskan denda berkenaan.

Teng Chai Heng melakukan satu pertuduhan kerana memiliki sebanyak 48 botol minuman keras pelbagai jenis semasa tangkapan yang dijalankan oleh Pegawai Pencegah Kastam Kuala Belait di sebuah rumah di kawasan Jalan Tengah Kuala Belait.

Hukuman ke atas Teng Chai Heng dijatuhkan oleh Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid di Mahkamah Majistret Kuala Belait, hari ini.

Mahkamah juga memerintahkan kesemua barang yang terlibat, iaitu minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

- **KEGAGALAN mematuhi boleh diambil tindakan undang-undang, di bawah Bab 12 (3) (a) dan Bab 35, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang masing-masing melibatkan hukuman denda sehingga BND4,000 dan BND8,000 atau penjara sehingga 1 tahun dan 2 tahun atau kedua-duanya sekali.**
- **ADALAH ditegaskan, bahawa permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal atau Permit Halal bagi perniagaan makanan yang beroperasi di negara ini adalah mandatori.**
- **JABATAN Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin menyeru kepada semua pengusaha makanan di negara ini yang belum mempunyai Sijil Halal atau Permit Halal untuk menghadapkan permohonan dengan segera.**
- **KEGAGALAN berbuat demikian boleh menyebabkan diambil tindakan undang-undang di bawah Bab 4 (5) dan Bab 10 (6), Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2017 dengan hukuman denda hingga BND8,000 atau penjara hingga 2 tahun atau kedua-duanya sekali.**
- **BAGI pemegang Sijil Halal dan Permit Halal adalah diingatkan supaya sentiasa memastikan Sijil Halal dan Permit Halal masih sah dan hendaklah menghadapkan permohonan untuk pembaharuan sijil dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh mansuh.**








PARA pemenang Kempen JUMM, yang dianjurkan bersama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Milimewah Group semasa bergambar ramai.

# DAYANG MASNAH PEMENANG BERTUAH KEMPEN JUMM

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**SALAMBIGAR**, Jumaat, 14 Oktober. - Dayang Masnah binti Haji Omar dinobatkan sebagai pemenang bertuah, sekali gus membawa pulang hadiah utama, iaitu sebuah 4K Sony Smart TV 75-inch, bernilai BND3,600, pada Kempen JUMM, yang dianjurkan bersama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Milimewah Group.

Pada Majlis Penyampaian Hadiah Utama JUMM, yang berlangsung di Pusat Membeli-belah Mid Valley, di sini, tempat kedua dimenangi oleh Awang Mohammad Nurshah Rezat bin Abdullah, yang menerima sebuah Razer Gaming Laptop 15-inch, bernilai BND3,000.

Manakala, tempat ketiga disandang oleh Awang Muhammad Zakir bin Husain, yang membawa pulang telefon pintar iPhone 12 Pro Max.

Seramai 40 pemenang bertuah juga memenangi baucar membeli-belah bernilai BND500 bagi promosi BIBD Card Privilege, yang bermula pada 15 Mac 2022 hingga 15 September 2022.

Hadir menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang, Ketua Strategi Pedagang, Kumpulan Perbankan Runcit, BIBD, Andy Yong Chee Chau.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan dan Kakitangan BIBD serta Pengarah dan pihak Pengurusan Kanan JUMM Group.

Promosi tersebut dibukakan kepada pemegang Kad Kredit dan Debit BIBD yang baharu dan sedia ada, bagi pembelian di kesemua kedai di bawah JUMM Group, iaitu Jaya Hypermart, Utama Grandstore, Milimewah Department Store and M-Porium Jaya Department Store.

Di bawah kempen itu, pembelian di kedai-kedai tersebut memberikan peluang kepada pelanggan untuk memenangi hadiah utama dan hadiah-hadiah saguhati semasa mereka membuat pembayaran menggunakan Kad BIBD Mastercard.

Promosi tersebut, bukan sahaja diadakan untuk memberikan ganjaran kepada pelanggan-pelanggan BIBD atas sokongan dan kesetiaan mereka, tetapi juga memberikan mereka peluang untuk mendapatkan kembali bentuk pulangan atas perbelanjaan mereka.

BIBD mempunyai pelbagai jenis kad yang disertakan dengan promosi dan insentif hebat untuk setiap transaksi, selain mendapat ganjaran Mata Hadiah untuk setiap leretan (*swipe*).

Untuk pengurusan hutang kad kredit yang lebih baik, pemegang kad BIBD mempunyai pilihan untuk menyelesaikan sepenuhnya penggunaan kad mereka setiap bulan dengan menyediakan arahan tetap secara percuma (free standing instructions) dan mengelakkan sebarang caj - semuanya sementara masih memperoleh mata Hadiah BIBD yang lebih tinggi.

Mata Hadiah BIBD boleh ditukar dengan mudah kepada pulangan tunai atau boleh digunakan untuk membuat pembelian dalam talian, kredit tambah nilai dan membayar bil melalui BIBD NEXGEN Wallet.

# Pelancaran JOTA, JOTI PPNBD





SUASANA di Stesen Sekolah Menengah Awang Semaun bersama Timbalan Pengetua (Pentadbiran) sekolah berkenaan, Awang Mohd. Fadzilah bin Haji Mohd. Ismail (atas), manakala gambar atas kanan, Ahli Pengakap semasa berhubung dengan rakan-rakan Pengakap dengan menggunakan radio amatur ke stesen-stesen.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 14 Oktober. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Kelab Radio Amaturnya dan juga bersama rakan strategik Persekutuan Radio Amatur Negara Brunei Darussalam (BDARA) sekali lagi bersama-sama berjuta Ahli Pengakap di seluruh dunia menyertai Jambori di Udara Ke-65 (JOTA) dan Jambori di Internet Ke-26 (JOTI) yang terbesar peringkat dunia yang berlangsung bermula 14 hingga 16 Oktober 2022.

Kegiatan JOTA dan JOTI dijalankan pada setiap minggu ketiga pada bulan Oktober setiap tahun.

Keunikan Jambori adalah setiap ahli pengakap yang menyertainya dapat berhubung di antara satu sama lain dengan Ahli-ahli Pengakap di seluruh dunia dengan menggunakan peralatan radio amatur (*amateur radio*) yang berfrekuensi tinggi (HF) dan Very High Frequency (VHF) serta melalui talian internet yang dikhaskan untuk kegiatan berkenaan juga berjaya membuat sidang video melalui aplikasi Skype dan juga applikasi zoom.

PPNBD telah membuka dua stesen radio amatur, iaitu di Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan dan juga di Sekolah Menengah Awang Semaun dengan menggunakan tanda panggilan V84CBS bagi Ibu Pejabat PPNBD dan V84CBM bagi Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara.

Manakala stesen di Daerah Tutong dan Daerah Temburong juga dibukakan bertempat di Ibu Pejabat Persatuan Pengakap Daerah masing-masing yang juga disertai oleh Ahli-ahli Pengakap dari daerah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan kegiatan JOTA-JOTI 2022 ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPNBD (PPNBD Deputy Chief Commissioner), Awang Mohammad Arif bin Abdul Hadi yang turut melancarkan Perasmian Kegiatan JOTA-JOTI 2022 di peringkat Negara Brunei Darussalam.

Turut serta pada Majlis Perasmian Pesuruhjaya Perkembangan Sumber Dewasa (Adult Resource Comissioner), Haji Awang Hassan bin Haji Abdil Hamid - V85SH dan Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat Radio Amatur (Acting HQ Commsissioner, Radio Amateur Section) Awang Haji Abd Jamal bin Haji Abd. Rahman - V85Ajk selaku Pengerusi Bersama bagi JOTA-JOTI di Negara Brunei Darussalam.

Tetamu kehormat telah berkesempatan untuk berhubung melalui udara dengan menggunakan radio amatur ke Stesen Persatuan Pengakap Daerah Tutong dan Stesen Persatuan Pengakap Daerah Temburong.

Sementara itu Stesen Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara dengan tanda panggilan V84CBM, pelancaran JOTA-JOTI telah dilancarkan di Sekolah Menengah Awang Semaun oleh Timbalan Pengetua (Pentadbiran) sekolah berkenaan, Awang Mohd. Fadzilah bin Haji Mohd. Ismail.

Di Stesen Persatuan Pengakap Daerah Tutong dengan tanda panggilan V84CDT, pelancaran JOTA-JOTI telah dilancarkan oleh Guru Besar Sekolah Chung Hwa, Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Abd. Rahman.

Manakala di Stesen Persatuan Pengakap Daerah Temburong dengan tanda panggilan V84CTS, pelancaran JOTA-JOTI telah dilancarkan oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah Temburong, Awang Jurkarnain bin Hussin.

Melalui aktiviti seumpama itu, Ahli-ahli Pengakap lebih berkeyakinan untuk berhubung dengan rakan-rakan Pengakap yang tidak kenali yang berada beribu kilometer dari Negara Brunei Darussalam serta dapat mengetahui betapa penting peralatan komunikasi boleh mempengaruhi kehidupan masa kini dalam arus teknologi yang serba maju dan canggih.

Turut sama hadir ialah Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap (Scout's Commissioner), Ahli-Ahli BDARA, Pemimpin-pemimpin Pengakap (Scout Leaders), Ahli Pengakap Dewasa (Adult Scouts) serta Ahli-ahli pengakap.

# Mengajak mualaf hayati, lahirkan rasa cinta kepada Rasulullah



ANTARA yang menyertai Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama mualaf bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG,** Rabu, 12 Oktober. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Pengupayaan Mualaf) malam tadi mengadakan Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama mualaf bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

Majlis diadakan di Dewan Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU), Kampung Lubuk Pulau, di sini.

Hadir mengetuai rombongan, Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan daripada Urus Setia Penerbitan Tafsir Mushaf Brunei Darussalam dan Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, KHEU.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah.

Kemudian diteruskan dengan tazkirah dan disusuli dengan persembahan Dikir Syarafil Anam yang dipimpin oleh para pegawai PDI.

Seterusnya bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam bagi memberkati majlis, dan kemudiannya Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Selain untuk memeriahkan sambutan dan memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, majlis berkenaan juga diadakan bertujuan sebagai salah satu sarana dakwah dan kaedah untuk mengajak para mualaf bagi sama-sama menghayati dan melahirkan rasa cinta kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperingati Baginda pada 12 Rabiulawal setiap tahun.

# KKBT anjur Majlis Zikir Ratib Al-Attas



MAJLIS Zikir Ratib Al-Attas merupakan salah satu pengisian aktiviti dalam Program Brunei Darussalam Berselawat 1444H / 2022M.

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Ihsan Kelab Komuniti Belia Transformasi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Majlis Zikir Ratib Al-Attas merupakan salah satu pengisian aktiviti dalam Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

Pada kali ini, program dianjurkan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia Bandar Seri Begawan yang dikendalikan oleh Biro Keagamaan KKBT serta disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program berkenaan merupakan kesinambungan kepada pelbagai program yang diadakan sebelum ini, iaitu Program Brunei Darussalam Berselawat 1443H / 2021M; dan Program Kenali dan Cintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam 1442H / 2020M.

Program pada tahun ini mengandungi beberapa aktiviti yang dilaksanakan secara dalam talian dan juga fizikal.

Pelaksanaan aktiviti turut dijayakan bersama Al-Busyra Enterprise, Belia Masjid Syababussalam Masjid Omar 'Ali Saifuddien Bandar Seri Begawan serta Kumpulan Firqah Al Husni dan turut disertai lebih 51 penyertaan yang terdiri daripada pelbagai peringkat masyarakat Islam di negara ini.

Pembuka majlis dimulai dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Biro Keagamaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Adi Hamdi bin Haji Aminuddin.

Seterusnya, jemaah membaca Ratib Al-Attas dan Doa Ratib, yang juga disusuli dengan Doa Munajat sekali gus dengan Doa Penutup yang dibacakan secara berkumpulan yang dipimpin oleh Awang Adi Hamdi.

Turut menyertai, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan para pemimpin daripada organisasi belia, kampung dan mukim.

# PERMOHONAN CSP 2023-24 KINI DIBUKAKAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Kedutaan Amerika Syarikat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam membukakan permohonan bagi Program Penyelesaian Komuniti (CSP) 2023-24 untuk pemimpin belia Negara Brunei Darussalam yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan AS.

CSP ialah program pembangunan kepimpinan profesional selama setahun untuk mereka yang bekerja bagi meningkatkan komuniti mereka dengan menangani isu yang berkaitan dengan alam sekitar, perdamaian dan penyelesaian konflik, ketelusan serta akauntabiliti, dan wanita serta jantina.

Kakitangan kerajaan dan swasta, kakitangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta mereka yang bekerja sendiri semuanya layak memohon program ini.

Pemimpin masyarakat yang dipilih untuk program ini akan mengambil bahagian dalam aktiviti, seperti perhimpunan empat bulan di AS, di mana rakan-rakan penyelesaian komuniti dipadankan dengan organisasi hos, di seluruh AS, di mana mereka akan melengkapkan pengalaman profesional selama empat bulan secara langsung.

Institut Kepimpinan Komuniti bagi rakan-rakan penyelesaian komuniti yang mengambil bahagian dalam Institut Kepimpinan Komuniti, program latihan kepimpinan yang direka untuk mengukuhkan kemahiran kepimpinan dan pengurusan mereka.

Institut menyediakan latihan secara bersemuka, kursus dalam talian, bimbingan profesional serta rangkaian.

Manakala, Inisiatif Berasaskan Komuniti pula ialah semasa berada di AS dan dengan sokongan pertubuhan hos AS mereka, rakan-rakan penyelesaian komuniti akan membentuk dan merancang inisiatif atau projek pembangunan komuniti untuk dilaksanakan apabila mereka pulang.

Mereka akan melaksanakan projek-projek ini di negara asal mereka.

Pengalaman pembangunan profesional CSP selama empat bulan di AS, termasuk praktikum 32 jam seminggu di organisasi hos AS dan kursus pembangunan kepimpinan 10 jam seminggu serta projek tindakan komuniti enam bulan yang memanfaatkan pengetahuan, kemahiran, dan rangkaian yang dibangunkan oleh rakan di AS.

Sepanjang 10 tahun yang lalu, CSP menyokong lebih 700 rakan, memberikan kesan positif kepada lebih 600,000 orang dalam komuniti asal mereka.

Sehingga kini, hanya dua Rakyat Brunei menyertai Program CSP yang kompetitif, Dayang Nurul Adilah Mahmud, seorang pegawai di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan merupakan peserta




KEDUTAAN Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam membukakan permohonan bagi Program Penyelesaian Komuniti (CSP) 2023-24 untuk pemimpin belia Negara Brunei Darussalam yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan AS.

pertama yang menyertai CSP, pada tahun 2019.

Rakan CSP 2022, Leftenan Qurratu'aini Qayyimah Al-Zelzy dari Tentera Laut Diraja Brunei, kini sedang membantu Yayasan Belia Penghijauan dengan aktiviti dan latihan Pertanian Bandar dan Pendidikan Alam Sekitar, di Institut Latihan Pemuliharaan Bandar (UCTI), di Atlanta, Georgia.

"CSP telah memberikan saya banyak peluang yang menakjubkan untuk belajar, berkembang dan bekerja dengan pelbagai pasukan untuk menangani masalah yang dikongsi bersama dan memastikan masa depan yang terjamin," kata Lt. Qurratu'aini Qayyimah Al-Zelzy.

Individu yang berminat, boleh melayari *http://bit.ly/csp2023apply* untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarat kelayakan dan prosedur permohonan.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 2 November 2022.



# Laluan mendaki bukit antara destinasi pelancongan

**Rencana dan Foto : Ihsan Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

NEGARA Brunei Darussalam dikenali sebagai pilihan destinasi percutian menarik di Asia Tenggara dengan pelbagai aktiviti ekopelancongan yang boleh dilakukan antaranya aktiviti mendaki bukit atau merentas hutan. Aktiviti ini lazimnya merupakan rutin bagi penduduk tempatan untuk beriadah dan menenangkan fikiran setelah menghadapi kesibukan seharian. Taman rekreasi yang dibina di sekitar kawasan hutan memberi peluang kepada orang ramai untuk menikmati hutan hujan yang difahamkan antara hutan tertua di dunia dengan panorama indah, alam sekitar yang menghijau serta udara yang segar.

Ketika sempadan negara ditutup disebabkan oleh wabak COVID-19 yang melanda, kadar aktiviti-aktiviti berasaskan ekopelancongan dilihat meningkat secara mendadak yang mana orang ramai lebih peka untuk membuat aktiviti riadah termasuk meredah hutan dan mendaki bukit. Tujuannya bukan sahaja untuk beriadah tetapi juga hasrat untuk menawan puncak bukit bagi membolehkan pendaki menikmati pemandangan ketika terbitnya matahari saat berada di puncak bukit yang diselubungi kabus tebal hutan atau menyaksikan matahari terbenam pada lewat petang. Tidak cukup sekadar mendaki bukit, setiap babak pendakian dalam bentuk video dan gambar menjadi satu kewajipan untuk dimuat naik dalam media sosial sebagai tontonan umum.

Bagi pendaki bukit yang ekstrem, segelintirnya lebih gemar menerokai laluan-laluan baru yang membawa kepada pembukaan lebih banyak trek-trek laluan pendakian yang baru. Dalam pada masa yang sama, laluan di kawasan taman rekreasi tetap menjadi kegemaran kebanyakan para pendaki bukit oleh kerana tempat tersebut sentiasa dipelihara oleh agensi yang berkaitan. Antaranya seperti Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar, Taman Peranginan Tasek Lama, Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, laluan pendakian Bukit Ambog berhampiran Taman Rekreasi Sungai Basong dan Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang.

### Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar

Taman Rekreasi Bukit Shahbandar yang terletak di Kampung Jerudong iaitu 15 kilometer dari Bandar Seri Begawan, adalah tempat yang sering kali menjadi tumpuan para pendaki bukit dan penggemar aktiviti riadah bersama ahli keluarga. Dianggap sebagai antara tempat pendakian yang sangat mencabar, laluan pendakian yang merentasi bukit terdiri daripada laluan melalui tiga bukit, enam bukit dan laluan terpanjang iaitu melalui sembilan bukit. Tempat ini menawarkan taman permainan, pondok istirahat, tasik mini dan beberapa kemudahan bagi pengunjung yang ingin mengadakan aktiviti perkelahan dan sukan. Taman ini juga mempunyai laluan refleksologi dan peralatan gimnastik bagi para pendaki bukit sebagai terapi selepas melakukan aktiviti pendakian.

### Taman Peranginan Tasek Lama

Terletak tidak jauh dari ibu kota, Taman Peranginan Tasek Lama adalah juga salah satu tarikan pengunjung tempatan malahan pelancong luar negara. Tempat ini menyediakan dua laluan pendakian utama yang mencabar kemampuan fizikal dan mentaliti setiap individu iaitu laluan menuju ke kawasan Bukit Sarang Helang dan laluan menuju ke Bukit Markuching, Subok. Penaiktarafan taman rekreasi ini juga telah dilaksanakan dengan pemasangan beberapa papan tanda berkenaan aktiviti memerhati burung dan maklumat berkenaan jenis-jenis burung di beberapa lokasi di taman tersebut. Di samping mendaki bukit, para pendaki berpeluang untuk menyaksikan pelbagai spesis burung termasuk burung endemik di negara ini.

### Bukit Ambog

Terletak tidak jauh dari Taman Rekreasi Sungai Basong di Daerah Tutong, laluan trek di Bukit Ambog merupakan laluan seterusnya bagi para pendaki yang ingin menyahut cabaran bukit-bukau semula jadi dengan kekuatan fizikal dan tahap stamina masing-masing. Beberapa cabang laluan boleh dinikmati terutama laluan pendakian paling ekstrem yang dianggarkan sejauh lebih kurang tujuh kilometer.

### Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi

Berada 15 kilometer dari Pekan Bangar, Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi menjadi tempat tarikan utama bagi Hutan Simpan Peradayan yang seluas 1,070 hektar dengan menawarkan laluan pendakian yang meliputi tanah tinggi. Laluan pendakian yang dianggarkan sejauh empat kilometer ini memberikan pengalaman mendaki yang berbeza kerana ianya tidak jauh dari sempadan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Tempat ini juga sesuai bagi lawatan sambil belajar kerana dapat menyaksikan formasi geologi batu yang unik seperti Batu Berdinding dan Batu Tergangam.

### Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang

Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang pula merupakan salah satu destinasi pendakian yang terkenal di Daerah Belait. Tidak seperti yang lain, taman rekreasi ini menawarkan laluan pendakian yang lebih santai iaitu sejauh 2.1 kilometer sahaja. Seperti taman rekreasi yang lain, tempat ini menggalakkan pelbagai aktiviti riadah bagi orang awam dengan kemudahan yang sedia ada seperti taman permainan, pondok istirahat dan beberapa fasiliti yang lain.

Aktiviti pendakian telah lama menjadi tarikan aktiviti utama pengunjung tidak kira dari dalam dan luar negara. Aktiviti ini juga dilihat semakin meningkat disebabkan oleh trend semasa yang mana orang ramai dan pelancong lebih peka terhadap keindahan alam semula jadi, di samping ingin mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat. Melalui kewujudan elemen geologi yang unik, kepelbagaian ciri-ciri bukit diikuti flora dan fauna di sepanjang setiap laluan pendakian, aktiviti lasak ini akan berupaya menjadikan taman rekreasi negara sebagai produk pelancongan yang berdaya tahan dan mampan bagi jangka masa yang panjang.



# Inovasi Perkhidmatan Pos menuju berdaya tahan




**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**
**Infografik : Meja Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

POS adalah kemudahan awam yang memberikan perkhidmatan penghantaran surat, penjualan setem dan produk filatelik serta perkhidmatan-perkhidmatan mel berdaftar, mel udara atau laut, paket kecil, bungkusan, peti surat persendirian, kiriman wang dan lain-lain lagi. Sebelum teknologi canggih berkembang, perkhidmatan ini sering digunakan untuk tujuan komunikasi untuk masyarakat yang mana komunikasi jarak jauh lebih mudah dilakukan melalui Perkhidmatan Pos.

Akan tetapi, perkembangan teknologi yang semakin maju mengubah tabiat komunikasi manusia masa kini. Komunikasi lebih mudah dilakukan dengan bergantung kepada telefon bimbit, sama ada menghantar teks atau membuat panggilan telefon. Malah, kemunculan media sosial juga telah menambah kepada pilihan komunikasi yang lebih mudah diakses. Kewujudan teknologi yang serba canggih inilah yang telah memberi cabaran kepada penggunaan Perkhidmatan Pos. Namun, ia masih bertahan hingga kini walaupun banyak persaingan yang muncul.

Hari Pos Sedunia disambut setiap 9 Oktober oleh Negara-negara Ahli Kesatuan Pos Sedunia (UPU). Ini adalah sebagai satu bentuk penghargaan untuk Perkhidmatan Pos yang memainkan peranan penting dalam memudahkan komunikasi dan menghubungkan orang ramai. Di mana Perkhidmatan Pos menghantar surat dengan cepat, cekap dan pada harga yang berpatutan untuk masyarakat. Selain itu, Hari Pos Sedunia diraikan untuk memberi penghargaan kepada pegawai pos yang telah bekerja dengan baik. Walaupun kini sudah jarang digunakan, Perkhidmatan Pos tetap wujud dan terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat.

Hari Pos Sedunia juga disambut untuk mengingati bahawa era surat-menyurat dan poskad adalah masa kegembiraan dan keistimewaan dalam hati orang ramai. Malah alat komunikasi ini dianggap lebih mendalam maknanya berbanding dengan kaedah komunikasi yang semakin mudah dilakukan melalui internet pada masa kini.

### Sejarah Hari Pos Sedunia

Ulang Tahun Penubuhan UPU pada tahun 1874 di Ibu Kota Switzerland, Bern. Ia telah diisytiharkan sebagai Hari Pos Sedunia oleh Kongres UPU yang diadakan di Tokyo, Jepun pada tahun 1969. Sejak itu, negara-negara di seluruh dunia mengambil bahagian setiap tahun dalam perayaan tersebut. Banyak negara menggunakan acara itu untuk memperkenalkan atau mempromosikan produk dan Perkhidmatan Pos baharu.

Pada tahun 2015 negara-negara di seluruh dunia komited untuk bekerjasama ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan, yang bertujuan untuk menamatkan kemiskinan tegar dan kelaparan, memerangi ketidaksamaan dan ketidakadilan, dan mengambil tindakan untuk membalikkan perubahan iklim - untuk menamakan hanya beberapa daripada 17 matlamat yang dipersetujui baru ini. Memainkan peranannya dalam usaha global ini, pos hari ini mempunyai peranan yang lebih relevan berbanding sebelum ini dengan menyediakan infrastruktur untuk pembangunan.

### Tema tahun ini

Hari Pos Sedunia disambut bagi memberikan kesedaran umum mengenai peranan pos, dalam perkembangan sosial dan ekonomi global. Pada tahun ini, UPU memilih tema 'Post for Planet' bagi memberikan kesedaran akan kepentingan peranan pos pada alam sekitar dan impak akibat daripada aktiviti seharian yang boleh mendorong pada perubahan iklim. Tambahan lagi, tema pada tahun ini adalah demi mendukung matlamat United Nations Sustainable Development Goals ke arah persekitaran yang berdaya tahan.

Dalam perutusan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menekankan, sebagai penyumbang utama pada industri penghantaran surat dan bungkusan, Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) dan syarikat-syarikat kurier di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah disarankan untuk sama-sama melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan lagi kesedaran ke atas alam sekitar seperti menyediakan bungkusan perkhidmatan penghantaran surat serta bungkusan lebih mesra alam. Ini bertepatan dengan Visi Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC 2025), iaitu untuk mencapai alam sekitar yang berdaya tahan (Environment Sustainability).

Yang Berhormat Menteri juga menyatakan, beberapa cabaran perlu masih diatasi, lebih-lebih lagi ketika hendak mewujudkan perkhidmatan penghantaran surat tradisi yang cekap dan berdaya maju semakin banyak saingan, seperti peralihan pada penggunaan mel elektronik dan sebagainya, telah mengakibatkan penurunan jumlah persuratan fizikal, yang pada lazimnya menjanakan hasil pendapatan.

Model perniagaan JPP perlu melalui perubahan dan peralihan semasa serta bertekad untuk berinovasi dan melakukan penambaikan berterusan. Termasuk usaha berterusan mereka dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra alam, seperti membuat perancangan awal perjalanan dan destinasi dengan lebih teratur. Selain daripada meningkatkan produktiviti ia juga lebih efisien dan menjimatkan. Dalam usaha menjaga alam sekitar, JPP juga akan sentiasa berusaha dalam melaksanakan strategi dan kemajuan mengikut peredaran zaman. Peranan pos juga akan sentiasa kekal relevan dalam aktiviti seharian bagi memenuhi kehendak pelanggan.

### Aktiviti yang dijalankan

Seperti yang sedia maklum, di NBD turut menyambut Hari Pos Sedunia dengan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diselenggarakan oleh JPP, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi. Tujuannya adalah untuk memperingati Penubuhan Jabatan Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam Ke-116 Tahun dan Sambutan Hari Pos Sedunia Ke-148 Tahun yang jatuh pada setiap 9 Oktober.

### Penutup

Dalam era teknologi yang maju dan berkembang pesat ini, Perkhidmatan Pos telah pun mengalami beberapa rombakan tradisi atau kaedah penggunaannya. Adanya alternatif lain dalam menyampaikan pesan atau maklumat menjadikan pos bukan lagi sebagai pilihan utama untuk berkomunikasi. Namun, ini tidak bermakna khidmatnya luput sepenuhnya akan tetapi ia tetap relevan di era moden. Hari Pos Sedunia amat penting diraikan. Semakin ramai yang peka tentang peringatan Hari Pos Sedunia, maka semakin besar pula kesedaran masyarakat untuk menghargai jasa layanan pos dan kakitangan yang berkhidmat. Diharap dengan menyambut Hari Pos Sedunia, masyarakat akan tergerak untuk melestarikan warisan budaya ini di tahun seterusnya.



# IHP OGOS 2022 MENINGKAT 0.6 PERATUS

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Oktober. - Bagi Ogos 2022, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 0.6 peratus, berbanding dengan Julai 2022.

Ini adalah disebabkan oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.4 peratus; dan 0.6 peratus.

Berbanding dengan Ogos 2021, IHP meningkat sebanyak 4.5 peratus.

Peningkatan IHP ini adalah disebabkan oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan; dan Bukan Makanan masing-masing sebanyak 7.0 peratus; dan 3.9 peratus.

Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti daging 12.9 peratus; sayur-sayuran 10.5 peratus; dan beras dan bijirin 4.6 peratus.

Harga daging ayam, iaitu penyumbang utama kepada kenaikan harga daging, meningkat disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam.

Manakala, peningkatan harga sayur-sayuran adalah disebabkan oleh kenaikan harga baja dan kos pengambilan pekerja buruh.

Harga produk mi juga menunjukkan peningkatan, berikutan kenaikan harga gandum global.

Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 13.7 peratus; Pengangkutan 5.9 peratus; dan Restoran dan Hotel 3.2 peratus.

Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh harga insurans kenderaan yang dipengaruhi oleh harga pasaran kereta.

Di samping itu, peningkatan bagi Pengangkutan adalah disebabkan oleh harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan.

Manakala, peningkatan harga Restoran dan Hotel adalah terutamanya disebabkan oleh harga perkhidmatan katering berkontrak selaras dengan harga makanan.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi Ogos 2022 boleh didapati di Laman Sesawang JPES melalui *https://deps.mofe.gov.bn*.




# Semai semangat solidariti, patriotik dalam diri penuntut



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik semasa mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi 47 penuntut Tahun 7 Sekolah St. John, Kuala Belait (atas dan bawah).

**Oleh : Noraisah Haji Muhammed**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BELAIT**, Khamis, 13 Oktober. - Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.



Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para penuntut.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi 47 penuntut Tahun 7 Sekolah St. John, Kuala Belait, bertempat di Bilik Kuliah sekolah berkenaan.

Antara pengisian program taklimat yang disampaikan ialah mengenai raja kita, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.



# POKOK TUMBANG TIMPA ATAP RUMAH



ANGGOTA bomba memotong dan mengalihkan pokok berkenaan dengan menggunakan gergaji rantai.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**TUTONG**, Khamis, 13 Oktober. - Seramai enam anggota bomba dari Balai Bomba Lamunin yang diketuai oleh DSO Abd. Aziz bin Jumat dikerahkan ke tempat panggilan pokok tumbang di Kampung Padnunok, Kiudang Tutong pada jam 10.39 pagi.

Setibanya di tempat kejadian, didapati sepohon pokok Jaring tumbang menimpa bahagian hujung atap rumah, iaitu di kawasan dapur.

Anggota bomba memotong dan mengalihkan pokok berkenaan dengan menggunakan gergaji rantai.

Pokok berkenaan berukuran panjang tujuh meter dan garis pusat 12 sentimeter.

Tidak ada kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan berlaku.

Oleh itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada orang ramai untuk mengelakkan menanam pokok terlalu dekat dengan rumah dan amalkan penjarakan bagi penanaman pokok-pokok berkenaan.

Pokok merupakan elemen yang penting bagi manusia dan haiwan akan tetapi ia juga boleh mendatangkan kemudaratan dan risiko kepada sekeliling seperti pokok tumbang boleh menghempap semasa cuaca tidak menentu.

Selain itu, dinasihatkan supaya pokok-pokok yang ditanam mestilah sentiasa dijaga dan diawasi serta dipotong (*trimming*) sebelum keadaan tidak terkawal dan jangan meletakkan kereta berdekatan dengan pokok-pokok besar ditakuti perkara tidak diingini daripada berlaku.

JBP ada menyediakan pelbagai program keselamatan seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui pelbagai aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat tepat.




# 33 pegawai, kakitangan sertai Kursus Fire Marshal



ANTARA yang mengikuti Kursus Fire Marshal bermula pada 10 hingga 12 Oktober 2022, bertempat di Bangunan Teknikal Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Oktober. - Seramai 33 Pegawai dan Kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan syarikat swasta, iaitu dari Print Plus Sendirian Berhad dan Brunei Shell Marketing mengikuti Kursus Fire Marshal bermula pada 10 hingga 12 Oktober 2022, bertempat di Bangunan Teknikal Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jalan Landasan Lama Berakas yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Ibu Pejabat, di sini.

Sepanjang tiga hari kursus dijalankan, para peserta telah diberikan pendedahan pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran, mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara sistematik.

Dalam masa yang sama, para peserta juga diajar secara tatacara pengunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul dan tatacara menyelamatkan diri serta mengeluarkan mangsa bila terperangkap di dalam bangunan semasa berlakunya kebakaran.

Para peserta juga berpeluang membuat lawatan ke Balai Unit Operasi Wanita dan mengenali perkakas-perkakas serta peralatan Bomba.

JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Keselamatan Kebakaran, LS995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat tepat.

BERITA GLOBAL

# EKONOMI GLOBAL "SEMAKIN HAMPIR" KEPADA KEMELESETAN

**WASHINGTON**, 14 Okt. - Ekonomi global "semakin menjerumus" kepada kemelesetan apabila kadar inflasi kekal tinggi, kadar faedah meningkat dan beban hutang bagi negara-negara membangun semakin meningkat, kata Presiden Bank Dunia David Malpass pada Khamis.

"Kami telah menurunkan unjuran pertumbuhan 2023 daripada tiga peratus kepada 1.9 peratus bagi pertumbuhan global, yang dilihat semakin hampir dengan kemelesetan dunia," kata Malpass pada sidang media semasa mesyuarat tahunan IMF dan Bank Dunia.

"Masalah inflasi, kadar faedah meningkat dan pemotongan aliran modal terhadap negara membangun menjejaskan golongan miskin dengan teruk," katanya sambil menekankan peningkatan hutang bagi negara membangun.

"Kemelesetan dunia boleh berlaku dalam keadaan tertentu," kata Malpass.

Dalam kajian yang diterbitkan pada pertengahan September, Bank Dunia memberi amaran bahawa apabila bank pusat di seluruh dunia secara serentak menaikkan kadar faedah sebagai tindak balas kepada inflasi, dunia mungkin menuju ke arah kemelesetan global pada 2023, dengan ramalan pertumbuhan hanya 0.5 peratus.

Ketua Bank Dunia berkata bahawa pertumbuhan penduduk dunia dianggarkan pada kadar 1.1 peratus setahun.

Memetik laporan Bank Dunia baru-baru ini, Malpass berkata bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan terbesar kepada usaha mengurangkan kadar kemiskinan global sejak 1990, memaksa kira-kira 70 juta orang ke dalam kancah kemiskinan tegar pada 2020, manakala krisis di Ukraine dikhuatiri memburukkan lagi keadaan.

Menurut Laporan Kemiskinan dan Kemakmuran Bersama, pendapatan median global merosot sebanyak empat peratus pada 2020, penurunan pertama sejak pengukuran median pendapatannya bermula pada 1990. - ©BERNAMA

# FDA AS lulus suntikan penggalak vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak

**LOS ANGELES**, 13 Okt. - Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat (AS) pada Rabu membenarkan suntikan penggalak vaksin COVID-19 Moderna dan Pfizer-BioNTech untuk kanak-kanak seawal usia lima tahun, lapor Xinhua.

Suntikan itu bertujuan memberi perlindungan yang lebih baik terhadap COVID-19 disebabkan oleh varian Omicron, menurut FDA.

FDA menerusi kemas kini terbaharunya membenarkan penggalak Pfizer-BioNTech untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, dan Moderna untuk mereka berusia enam hingga 17 tahun.

Suntikan boleh diberikan sekurang-kurangnya dua bulan selepas lengkap dua suntikan utama atau menerima dos penggalak terbaharu dengan vaksin generasi pertama.

Penggalak Pfizer-BioNTech sebelum ini dibenarkan untuk mereka yang berumur 12 tahun ke atas, manakala Moderna untuk orang dewasa berumur 18 tahun ke atas.

Vaksin COVID-19 yang dikemas kini menambah komponen spike protein Omicron BA.4 dan BA.5 terhadap komposisi vaksin semasa, membantu memulihkan perlindungan yang berkurangan sejak vaksinasi sebelum ini dan menyasarkan varian Omicron.

Pfizer dalam satu kenyataan memaklumkan pihaknya akan menghantar sehingga 6 juta dos penggalak untuk kanak-kanak pada minggu hadapan.

Sehingga 6 Okt, kira-kira 68 peratus penduduk AS telah divaksin sepenuhnya tetapi kurang separuh daripada populasi itu menerima dos penggalak.

Analisis yang diterbitkan oleh The Commonwealth Fund mendapati bahawa jika lebih ramai orang di Amerika Syarikat mendapat dos penggalak mereka menjelang akhir tahun, kira-kira 90,000 kematian COVID-19 dapat dicegah pada musim gugur dan musim sejuk ini. - ©BERNAMA

# IMF umum dana ketahanan dan kelestarian bantu negara-negara rentan hadapi cabaran jangka panjang

**WASHINGTON**, 13 Okt. - Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) melancarkan Dana Ketahanan dan Kelestarian (RST) baharu untuk membantu negara-negara rentan menghadapi cabaran jangka panjang mereka, kata Pengarah Urusan IMF Kristalina Georgieva.

"Saya berbesar hati untuk mengumumkan bahawa Dana Ketahanan dan Kelestarian (RST) baharu sudah mula beroperasi. Hari ini, saya memberitahu Lembaga Eksekutif bahawa dengan pengumpulan dana kami setakat ini, RST bersedia untuk memulakan operasi pemberian pinjaman," kata Georgieva dalam satu kenyataan pada Rabu, lapor Sputnik.

Georgieva menjelaskan RST merupakan inisiatif pertama IMF yang menyediakan pembiayaan mampu milik jangka panjang untuk menyokong negara-negara dalam isu seperti perubahan iklim dan wabak, dan untuk membantu mengekalkan kestabilan ekonomi dan kewangan jangka panjang.

Australia, Kanada, China, Jerman, Jepun dan Sepanyol menyediakan sejumlah US$20 bilion sebagai sumbangan pertama mereka kepada RST.

"Pusingan pertama sumber RST ini mewakili lebih separuh daripada jumlah ikrar RST semasa sebanyak SDR 29 bilion (US$37 bilion) dari 13 negara. Sumbangan selanjutnya dijangka berkuatkuasa pada awal 2023 apabila negara telah menyelesaikan prosedur domestik mereka, memastikan RST berada dalam kedudukan kukuh bagi memenuhi permintaan untuk pengaturan RST pada tahun-tahun akan datang," kata Georgieva.

Lebih banyak negara dijangka menyertai inisiatif itu dari semasa ke semasa, tambah Georgieva. - ©BERNAMA

# Istiadat pertabalan Raja Charles III pada 6 Mei 2023

**LONDON**, 12 Okt. - Istiadat pertabalan Raja Charles III dijadual berlangsung pada 6 Mei tahun depan di Westminster Abbey, London, menurut perutusan Istana Buckingham pada Selasa.

Istiadat pertabalan itu dijadual berlangsung lapan bulan selepas kemangkatan baginda Ratu Elizabeth II, ketika berusia 96 tahun, lapor United Press International (UPI).

Charles akan ditabalkan sebagai raja, bersama isterinya Camilla sebagai Raja Permaisuri (Queen consort).

Istiadat pertabalan itu akan diadakan di Westminster Abbey dan dikendalikan Ketua Biskop Canterbury Justin Welby.

"Istiadat ini telah mengekalkan struktur yang sama selama lebih seribu tahun, dan pertabalan tahun depan dijangka merangkumi elemen teras yang sama," menurut perutusan istana.

Raja Charles akan menjalani upacara keagamaan sama seperti Ratu Elizabeth yang ditabalkan pada 2 Jun 1953, dan dikendalikan Ketua Biskop Canterbury di mana tradisi itu telah berlanjutan sejak pertabalan diraja 1066.

Istiadat Pertabalan Raja Charles dijangka berlangsung lebih singkat berbanding Ratu Elizabeth yang berlangsung selama tiga jam, manakala jumlah tetamu yang hadir turut dihadkan.

Ratu Elizabeth raja paling lama berkhidmat di Britain, mangkat di istana Balmoral di Scotland pada 8 Sept, tiga bulan selepas negara itu menyambut Jubli Platinum menandakan 70 tahun baginda menduduki takhta.

Raja Charles merupakan putera sulung Ratu Elizabeth dengan mendiang Putera Philip, yang meninggal dunia tahun lalu. - ©BERNAMA

# Bencana banjir Pakistan antara tragedi iklim terbesar abad ini

**ISLAMABAD**, 13 Okt. - Menteri Perubahan Iklim Pakistan Sherry Rehman pada Rabu berkata bahawa banjir yang melanda negara itu adalah antara tragedi iklim terbesar yang pernah disaksikan dunia abad ini.

Banjir itu telah mengorbankan lebih 1,700 orang dan menjejaskan lebih 33 juta lagi.

"Misi menyelamat telah dihentikan, tetapi operasi bantuan itu adalah paling lama pernah dilihat oleh mana-mana negara," kata menteri iklim itu.

Dianggarkan 20.6 juta orang masih memerlukan bantuan.

Beliau berkata bahawa banjir telah menyebabkan nilai kerosakan lebih US$40 bilion seperti dianggarkan oleh Bank Dunia, dibimbangi kerugian dan kerosakan sebenar adalah lebih tinggi daripada anggaran serta meningkat mengikut peredaran masa, lapor Xinhua.

'Air termenung' yang membanjiri 11 daerah di selatan Sindh dan wilayah Balochistan menjadikan misi bantuan kemanusiaan sebagai suatu cabaran besar, kata Rehman.

Lebih 4 juta hektar tanaman rosak dan ditenggelami air hingga mengakibatkan 14.6 juta orang berdepan krisis makanan dan pertanian, kata menteri itu.

Hasil eksport Pakistan hampir musnah, malah negara itu perlu mengimport makanan selepas banjir.

Rehman berkata 15.4 juta lagi penduduk di Pakistan dijangka berada di bawah paras kemiskinan akibat banjir yang berlaku baru-baru ini. - ©BERNAMA

# Etihad Airways lancar penerbangan terus ke Guangzhou

**ABU DHABI**, 12 Okt. - Etihad Airways iaitu syarikat penerbangan kebangsaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) melancarkan penerbangan terus yang menghubungkan ibu negara UAE Abu Dhabi dan bandar Guangzhou di selatan China.

Penerbangan EY868 berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Abu Dhabi pada malam Isnin dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Guangzhou Baiyun pada pagi Selasa waktu tempatan.

Perkhidmatan dua kali seminggu itu akan dikendalikan melalui perkhidmatan Boeing 777, lapor Xinhua.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Etihad Aviation Group, Tony Douglas berkata dalam satu kenyataan bahawa Guangzhou adalah "destinasi Etihad terbaharu di China sejak pelancaran laluan Abu Dhabi-Shanghai pada 2012".

"Ia akan terus membantu membina jalinan yang kukuh bagi perdagangan dan pertukaran budaya antara China dan UAE," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

# 14 negara terpilih anggotai Majlis Hak Asasi Manusia PBB

**NEW YORK**, 12 Okt. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Selasa memilih 14 negara menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia bagi penggal tiga tahun yang bermula pada 1 Jan 2023.

Melalui sesi undian sulit, Algeria, Maghribi, Afrika Selatan, Sudan (untuk Afrika); Bangladesh, Kyrgyzstan, Maldives, Vietnam (untuk Asia-Pasifik); Georgia, Romania (untuk Eropah Timur); Chile, Costa Rica (untuk Amerika Latin dan Caribbean); Belgium, Jerman (untuk Eropah Barat dan negeri lain) dipilih menganggotai Majlis itu, lapor Xinhua.

Sudan dan Jerman telah dipilih untuk penggal kedua berturut-turut.

Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang berpangkalan di Geneva adalah badan antara kerajaan yang bertanggungjawab mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia di seluruh dunia. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

## PERLAWANAN PERSAHABATAN BERSAMA PASUKAN TARIK KALAT TENTERA LAUT PAKISTAN



**PERTUKARAN cenderamata di antara Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam dan Pegawai Tentera Laut Pakistan.**

**Berita dan Foto : Persatuan Tarik Kalat Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 14 Oktober. - Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam mengadakan Perlawanan Persahabatan di antara Pasukan-pasukan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam bersama Pasukan Tarik Kalat Tentera Laut Pakistan.

Perlawanan Persahabatan itu mengambil tempat di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Ketua Suruhanjaya Republik Islam Pakistan, Ghulam Haider dan isteri serta Timbalan Yang Di-Pertua (YDP) Persatuan, Dr. Andy Lau Sie Chuong.

Pasukan-pasukan dari Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Pasukan Chainblock, HSN Fit, DX Team, SPSS Tuggers, MG5 dan Mengkubau United.

Manakala dari Pasukan Tentera Laut Pakistan diwakili Pasukan Shamsheer dan Pasukan Nasr.

Pada perlawanan tersebut, kesemua pasukan memberikan persembahan yang mantap.

Pada akhir acara, penyampaian hadiah dan sijil disampaikan oleh Timbalan Ketua Suruhanjaya Republik Islam Pakistan kepada kesemua peserta yang ikut serta dan pertukaran cenderamata di antara Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam dan Pegawai Tentera Laut Pakistan.

## Kejohanan Dunia: Skuad negara terkandas acara pecut berpasukan

**KUALA LUMPUR**, 13 Okt. - Skuad berbasikal trek negara terkandas di pusingan kelayakan acara pecut lelaki dan wanita berpasukan pada Kejohanan Berbasikal Trek Dunia 2022 di Saint-Quentin-en-Yvelines, Perancis pada Rabu malam waktu tempatan (awal pagi ini waktu Malaysia).

Skuad lelaki dibarisi Muhammad Shah Firdaus Sahrom, Muhammad Fadhil Mohd Zonis dan Muhammad Ridwan Sahrom menamatkan saingan pada kedudukan ke-11 daripada 17 pasukan pada peringkat kelayakan berlangsung di National Velodrome, iaitu venue acara berbasikal trek Sukan Olimpik Paris 2024.

Hanya lapan pasukan dengan catatan masa terbaik layak ke pusingan berikutnya.

Pada pusingan kelayakan, trio negara ketinggalan 2.521 saat (s) di belakang pasukan Australia yang dibarisi Leigh Hoffman, Matthew Richardson dan Thomas Cornish yang mara ke pusingan pertama dengan 41.896s, berdasarkan keputusan dikeluarkan di laman web Persekutuan Berbasikal Antarabangsa (UCI).

Matthew Glaetzer yang menggantikan Cornish pada aksi final acara pecut berpasukan, memastikan Australia membawa pulang pingat emas selepas menewaskan Belanda yang diwakili Roy van den Berg, Harrie Lavreysen dan Jeffrey Hoogland dengan merekodkan 41.600s, sekali gus menamatkan penguasaan Belanda dalam acara itu sejak 2018.

Great Britain dengan barisan pelumba seperti Jack Carlin, Alistair Fielding dan Hamish Turnbull meraih gangsa selepas mengatasi Stefan Botticher, Maximilian Dornbach dan Nik Schroter dari Jerman.

Sementara itu, pasukan wanita diwakili Anis Amira Rosidi, Nurul Izzah Izzati Mohd Asri dan Nurul Aliana Syafika Azizan terlepas lapan tempat terbaik apabila sekadar menamatkan pusingan kelayakan di tempat ke-10 daripada 11 pasukan bertanding dengan 4.491s ketinggalan di belakang pelumba Jerman (46.573s).

Jerman yang membariskan Pauline Sophie Grabosch, Emma Hinze dan lea Sophie Friedrich mempertahan emas dimenangi untuk dua edisi berturut-turut di samping melebur rekod dunia sebanyak dua kali dengan catatan terbaik 45.967s menewaskan trio China Shanju Bu, Yufang Guo dan Liying Yuan pada aksi akhir.

Rekod dunia sebelumnya juga milik pasukan Jerman yang mencatatkan 46.064s untuk meraih emas pada edisi 2021 di Roubaix, Perancis pada Oktober tahun lepas.

Lauren Bell, Sophie Capewell dan Emma Finucane dari Great Britain terpaksa berpuas hati dengan gangsa selepas tiba di garisan penamat 0.008s di hadapan gandingan Belanda Kyra Lamberink, Shanne Braspennincx dan Steffie van der Peet yang mencatatkan 46.604s.

Skuad berbasikal kebangsaan akan meneruskan cabaran di Kejohanan Dunia hari ini menerusi Muhammad Shah Firdaus yang akan turun dalam acara keirin, manakala Anis Amira pula dalam acara pecut individu. - ©BERNAMA

## Jualan tiket GP Malaysia capai lebih 50 peratus - SIC

**KUALA LUMPUR**, 14 Okt. - Lebih 50 peratus tiket Grand Prix (GP) Motosikal Malaysia 2022 telah habis dijual berbaki seminggu sebelum saingan perlumbaan berprestij itu kembali 'menggegar' Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dari 21 hingga 23 Okt ini.

Ketua Pegawai Eksekutif SIC Azhan Shafriman Hanif berkata jualan tiket yang sedikit perlahan sebelum ini bertambah baik sejak pelancaran edisi ke-23 GP Malaysia dan pengumuman pelumba negara Syarifuddin Azman atau lebih mesra disapa Damok menerima tiket *wild card* bagi kelas Moto3.

Beliau berkata biarpun SIC berdepan cabaran tertentu, pihaknya berusaha keras untuk memastikan sasaran 170,000 penonton tercapai sekali gus menyamai jumlah kehadiran sewaktu penganjuran terakhir GP Malaysia pada 2019 sebelum pandemik COVID-19 melanda.

"Kita jangka 170,000 penonton sama macam sasaran yang kita capai pada 2019 tetapi buat masa ini saya fikir agar sukar untuk mencapai sasaran… kami mempunyai baki seminggu untuk berusaha meningkatkan jualan tiket.

"Setakat ini dah makin dekat 170,000 cuma cabaran tahun ini adalah hujung minggu yang panjang, ramai orang akan mengambil peluang untuk pulang ke kampung halaman selain itu kerana pembubaran Parlimen dan penamaan calon akan datang yang mampu beri kesan," katanya pada sidang media secara maya hari ini.

Pada masa sama, Azhan Shafriman berkata harga tiket penerbangan yang tinggi dilihat menjadi faktor penghalang kehadiran peminat dari luar negara, selain ketiadaan juara dunia sembilan kali Valentino Rossi yang bersara pada musim lalu turut mempengaruhi pembelian tiket di kebanyakan litar termasuk SIC.

"Tanpa Rossi di sana, akan ada jurang dan mengambil masa yang lama untuk mengisi jurang itu cumanya tahun ini kita ada Damok dalam Moto3 dan tiga pelumba tempatan lain bersaing dalam Moto2 jadi kita harap dapat tarik lebih ramai penonton untuk menyokong pelumba Malaysia," katanya.

Awal bulan ini, penaja utama GP Malaysia, Petronas mengumumkan tiga pelumba tempatan iaitu Khairul Idham Pawi atau lebih mesra disapa Super Kip, Kasma Daniel Kasmayuddin dan Azroy Hakeem Anuar masing-masing diberikan tiket *wild card* untuk bersaing dalam kelas Moto2.

Sementara itu, Azhan Shafriman berkata SIC akan bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memastikan tahap keselamatan sepanjang GP Malaysia berlangsung kekal berada pada tahap optimum bagi mengelak insiden kecurian komponen dan barangan pasukan berlaku seperti pada edisi 2019.

"Dari segi penambahbaikan kita telah pasang lebih kurang 65 CCTV (kamera litar tertutup) dekat paddock bagi memastikan kejadian ini tidak berlaku lagi," katanya. Antara paling terkesan dengan insiden itu ialah pasukan Angel Nieto Team, yang menyaksikan beberapa alat ganti seperti tayar depan, set lengkap penyerap hentak dan brek bagi jentera kelas Moto2 dan Moto3 dicuri. GP Malaysia 2020 dan 2021 telah dibatalkan kerana pandemik COVID-19 global dan sekatan berkaitannya. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**DENGAN** kuasa yang telah diperuntukkan dalam Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981, Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1982. Berikutan dengan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, Undang-undang Negara Brunei Darussalam telah disusun semula dan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981 telah dipinda dan sekarang dikenali sebagai Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131). Semenjak penubuhannya pada 1 Februari 1982, matlamat utama Biro Mencegah Rasuah adalah untuk membasmi dan menghapuskan rasuah serta membawa mereka yang terlibat dalam rasuah ke muka pengadilan.

**SUMBER :** *Rasuah : Pengertian, Kesan dan Akibatnya Menurut Syara' dan Undang-Undang.*



"SESUNGGUHNYA ORANG YANG KUAT IALAH ORANG YANG DAPAT MENGUASAI DIRINYA KETIKA MARAH"